

**PENELITIAN LATAR TEMPAT SEBAGAI MEDIUM
PROMOSI PELANCONGAN MELALUI KUMPULAN CERPEN
CERITA KOTA KAMI KARYA JASNI MATLANI MENERUSI
TEORI SASTERA BUDAYA**

MUHAMMAD ASYRAF DZIL IRFAN BIN JASRI

C22A0432

UNIVERSITI
MALAYSIA
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
KELANTAN

2025



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

PENELITIAN LATAR TEMPAT SEBAGAI MEDIUM PROMOSI PELANCONGAN
MELALUI KUMPULAN CERPEN *CERITA KOTA KAMI* KARYA JASNI MATLANI
MENERUSI TEORI SASTERA BUDAYA

MUHAMMAD ASYRAF DZIL IRFAN BIN JASRI

C22A0432

Tesis yang dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada syarat memperoleh


Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN

2025


PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau Institusi.




TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)



SEKATAN


Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah



SULIT

Dari Tempoh sehingga

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)



TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan
Muhammad Asyraf Dzil Irfan Bin Jasri
C22A0432

Tarikh : 4/1/2025

Tandatangan Penyelia
Dr. Nordiana Binti Ab Jabar

Tarikh : 4/1/2025

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi kesyukuran saya panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, saya telah berjaya menyiapkan kajian ini yang bertajuk Penelitian Latar Tempa Sebagai Medium Promosi Pelancongan Melalui Kumpulan Cerpen *Cerita Kota kami* Karya Jasni Matlani Menerusi Teori Sastera Budaya. Sepanjang proses dalam menyiapkan kajian tesis ini, saya dikurniakan kekuatan, kesabaran dan ilham untuk menyiapkan kajian tesis ini yang mencabar namun sangat memberi inspirasi. Saya berharap kajian ini dapat memberi manfaat kepada penggiat seni, penyelidik, dan pelajar. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia saya Dr. Nordiana Binti Ab Jabar atas segala tunjuk ajar, bimbingan berterusan dan dorongan sepanjang pelaksanaan kajian ini. Panduan beliau amat membantu saya dalam merangka metodologi penyelidikan secara sistematik serta menghubungkan elemen sastera dan teori dengan lebih mendalam. Ucapan terima kasih turut ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak membantu dalam memberikan idea dan pendapat kepada saya untuk menyiapkan kajian tesis ini. Peranan mereka sangat bermakna dalam memastikan ketepatan dan keberkesanan dapatan kajian. Tidak dilupakan juga kepada kedua ibu bapa saya yang banyak mendoakan saya dan banyak memberikan sokongan moral agar saya terus kuat dan semangat dalam menyiapkan kajian tesis ini. Akhir sekali, saya berharap kajian ini dapat menjadi sumbangan kecil dalam bidang sastera bagi memartabatkan bidang tersebut sekaligus memajukan lagi sektor pelancongan dalam negara.

	ISI KANDUNGAN	HALAMAN
	PENGESAHAN TESIS	i
	PENGHARGAAN	ii
	ISI KANDUNGAN	iii
	SENARAI JADUAL	iv
	SENARAI RAJAH	v
	ABSTRAK	
	ABSTRACT	
BAB 1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang	5
	1.3 Permasalahan Kajian	8
	1.4 Persoalan Kajian	9
	1.5 Objektif Kajian	9
	1.6 Batasan Kajian	10
	1.7 Kepentingan Kajian	12
	1.7.1 Individu	12
	1.7.2 Masyarakat	12
	1.7.3 Negara	13
	1.8 Kesimpulan	14

BAB 2**SOROTAN KAJIAN**

2.1 Pengenalan	16
2.2 Kajian Lepas Mengenai Latar Tempat	17
2.2.1 Tesis	17
2.2.2 Buku	18
2.2.3 Artikel Jurnal	18
2.2.4 Akhbar	23
2.3 Kajian Lepas Mengenai Cerpen	24
2.3.1 Tesis	24
2.3.2 Buku	26
2.3.3 Artikel Jurnal	26
2.3.4 Akhbar	30
2.4 Kajian Lepas Mengenai Teori Sastera Budaya	31
2.4.1 Tesis	31
2.4.2 Buku	33
2.4.3 Artikel Jurnal	34
2.4.4 Akhbar	37
2.5 Kesimpulan	38

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	39
3.2 Reka Bentuk Kajian	40
3.2.1 Dokumentasi	41
3.3 Kaedah Pengumpulan Data	41
3.3.1 Kaedah Kepustakaan	42
3.3.2 Kaedah Analisis Tekstual	43
3.3.3 Artikel Jurnal	45
3.3.4 Analisis Tematik	45
3.4 Kaedah Penerapan Teori	46
3.4.1 Kaedah Analisis	47
3.4.2 Kerangka Konseptual	48
3.5 Kesimpulan	49

BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	50
4.2 Latar Tempat Dalam Cerpen	53
4.2.1 Cerpen Masjid Kampung Kami	56
4.2.1.1 Pantai Sindumin	57
4.2.1.2 Teluk Kimanis	59
4.2.1.3 Stesen Kereta Api	61

4.2.1.4 Daerah Weston	63
4.2.1.5 Masjid	66
4.2.2 Cerpen Cerita Kota Kami	68
4.2.2.1 Kota Batu	69
4.2.2.2 Stesen Kereta Api	71
4.2.2.3 Bandar Getah	73
4.2.3 Cerpen Kupu-Kupu Di Dalam Taman	75
4.2.3.1 Hotel Lee Garden Plaza	76
4.2.4 Cerpen Di Sini, Di Kota Ini dan Sekarang	78
4.2.4.1 Kota Jalang	79
4.2.4.2 Stesen Kereta Api	80
4.2.5 Cerpen Bimbo	81
4.2.5.1 Gunung	82
4.2.6 Cerpen Jibran	83
4.2.6.1 Stadium	84
4.2.7 Cerpen Muzium Di Dalam Taman	85
4.2.7.1 Muzium	86
4.2.7.2 Taman	87
4.2.8 Cerpen Mengingati Thia	88

4.2.8.1 Lapangan Terbang	89
4.3 Keunikan Daerah Beaufort	90
4.3.1 Kepelbagaian Budaya	93
4.3.2 Makanan Tradisi	94
4.3.3 Warisan Sejarah	96
4.3.4 Hasil Semula Jadi	98
4.3.5 Pesta Kaamatan	100
4.4 Budaya Masyarakat Beaufort	101
4.4.1 Pendidikan	103
4.4.2 Ekonomi	105
4.4.3 Sosial	107
4.5 Kesimpulan	109

BAB 5**RUMUSAN**

5.1 Pengenalan	110
5.2 Rumusan Kajian	112
5.3 Implikasi Kajian	114
5.3.1 Implikasi Kajian Kepada Individu	115
5.3.2 Implikasi Kajian Kepada Masyarakat	117
5.3.3 Implikasi Kajian Kepada Negara	119
5.4 Cadangan	121
5.4.1 Cadangan Kepada Individu	122
5.4.2 Cadangan Kepada Masyarakat	124
5.4.3 Cadangan Kepada Negara	126
5.5 Kesimpulan	128

SENARAI RUJUKAN

129

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SENARAI JADUAL	HALAMAN
4.1 : Senarai Latar Tempat Mengikut Kumpulan Cerpen <i>Cerita Kota Kami</i>	54
4.2 : Senarai Cerpen dalam buku <i>Cerita Kota Kami</i>	55

SENARAI RAJAH	HALAMAN
3.1 Rajah Kumpulan Cerpen <i>Cerita Kota Kami</i>	44
4.1 Rajah Teluk Kimanis	60
4.2 Rajah Stesen Kereta Api	62
4.3 Rajah Daerah Weston	65
4.4 Rajah Peta Daerah Weston	65
4.5 Rajah Laluan Kereta Api di Daerah Beaufort	72
4.6 Rajah Kilang Getah Daerah Beaufort	74
4.7 Rajah Kereta Api di Daerah Beaufort	80
4.8 Rajah Lapangan Terbang Antarabangsa Terminal 2 KKIA	89
4.9 Rajah Masyarakat Beaufort semasa Pesta Kaamatan	93
4.10 Rajah Ambuyat	95
4.11 Rajah Jambatan Sungai Padas	97
4.12 Rajah Pesta Kaamatan Tahun 2008 di Daerah Beaufort	100
4.13 Rajah Beaufort Menjadi Pusat Pelancongan Terkenal Negara	106
4.14 Rajah Program Semarak Kasih Santai Sukan di Daerah Beaufort	108

**PENELITIAN LATAR TEMPAT SEBAGAI MEDIUM PROMOSI PELANCONGAN
MELALUI KUMPULAN CERPEN *CERITA KOTA KAMI* KARYA JASNI MATLANI
MENERUSI TEORI SASTERA BUDAYA**

ABSTRAK

Cerpen merupakan sebuah cerita pendek yang akan memberikan kesan dominan kepada pembaca. Tema bagi cerpen adalah realiti yang terkandung berdasarkan fakta yang wujud. Cerpen dapat dihasilkan berdasarkan fakta. Menurut Nuryatin (2010), penghasilan cerpen juga boleh berdasarkan kisah pengarang itu sendiri. Menurut Muhammad Al Afzan bin Ali Hussin (2018), cerpen merupakan akronim daripada dua perkataan iaitu pendek dan perkataan cerita. Lazimnya cerpen akan diterbitkan di majalah dan akhbar. Laporan ini akan membincangkan penelitian latar tempat sebagai medium promosi pelancongan melalui kumpulan cerpen *Cerita Kota Kami* karya Jasni Matlani. Kajian ini akan menggunakan teori sastera budaya dalam melaksanakan kajian ini. Meneliti tajuk kajian, pengkaji akan mengkaji beberapa latar tempat yang menjadi medium utama dalam perkembangan sektor pelancongan yang akan memberi kemajuan khususnya di daerah Beaufort Sabah. Kajian ini mempunyai 3 objektif iaitu menganalisis latar tempat yang menjadi aspek penting dalam sektor pelancongan menerusi kajian ini. Selain itu, menghuraikan keunikan dan keindahan daerah Beaufort kepada khalayak umum. Akhir sekali, mengkaji budaya masyarakat di daerah Beaufort. Kajian ini telah menggunakan metodologi dari aspek kepustakaan, kaedah analisis tekstual, analisis tematik dan analisis artikel jurnal.

Kata Kunci : *Cerpen, latar tempat, pelancongan, masyarakat daerah Beaufort, Teori Sastera Budaya.*

**RESEARCH ON LOCAL BACKGROUND AS A MEDIUM FOR TOURISM
PROMOTION THROUGH THE SHORT STORY COLLECTION "OUR CITY STORY"
BY JASNI MATLANI THROUGH CULTURAL LITERATURE THEORY**

ABSTRACT

A short story is a short story that will give a dominant effect to the reader. The theme of a short story is the reality contained based on existing facts. Short stories can be produced based on facts. According to Nuryatin (2010), the production of short stories can also be based on the author's own story. According to Muhammad Al Afzan bin Ali Hussin (2018), a short story is an acronym of two words, namely pendek and the word story. Short stories will usually be published in magazines and newspapers. This report will discuss the study of place settings as a medium for tourism promotion through the short story collection Cerita Kota Kami by Jasni Matlani. This study will use the theory of cultural literature in carrying out this study. Examining the title of the study, the researcher will study several place settings that are the main medium in the development of the tourism sector which will provide progress, especially in the Beaufort district of Sabah. This study has 3 objectives, namely analyzing place settings which are important aspects in the tourism sector through this study. In addition, describing the uniqueness and beauty of the Beaufort district to the general public. Finally, studying the culture of the community in the Beaufort district. This study has used methodologies from the aspects of literature, textual analysis methods, thematic analysis and journal article analysis.

Keywords: Short stories, place setting, tourism, Beaufort district community, Cultural Literary Theory.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Laporan ini akan membincangkan penelitian latar tempat sebagai medium promosi pelancongan melalui kumpulan cerpen *Cerita Kota Kami* karya Jasni Matlani. Kajian ini akan menggunakan teori sastera budaya dalam melaksanakan kajian ini. Meneliti tajuk kajian, pengkaji akan mengkaji beberapa latar tempat yang menjadi medium utama dalam perkembangan sektor pelancongan yang akan memberi kemajuan khususnya di daerah Beaufort Sabah. Menerusi kumpulan cerpen *Cerita Kota Kami* karya Jasni Matlani pengkaji telah mengenal pasti beberapa latar tempat yang menjadi medium utama dalam sektor pelancongan.

Penelitian yang mendalam dalam kajian yang dijalankan menerusi kumpulan cerpen *Cerita Kota Kami* karya Jasni Matlani dapat dilihat perkembangan latar tempat di daerah Beaufort yang telah memberi kemajuan kepada daerah tersebut. Saban kini, ledakan teknologi moden telah membawa kepada arus modenisasi yang telah banyak memberi perubahan drastik kepada latar tempat yang dibangunkan terutama fokus diberikan kepada daerah Beaufort. Walhal begitu, peranan perubahan dan kemajuan latar tempat tersebut telah memberi intihan yang besar kepada perkembangan sektor pelancongan bagi daerah Beaufort. Di samping itu, peranan latar tempat dalam memajukan sektor pelancongan juga telah memberi impak kepada bidang sastera. Pelancongan sastera juga tergolong dalam kategori pelancongan. Dalam konteks ini, karya sastera perlu dilihat sebagai sebuah platform yang banyak menyumbang kepada kemajuan ekonomi khususnya sektor pelancongan.

Hal ini demikian telah dilihat pentingnya sektor pelancongan terhadap pembangunan ekonomi moden. Pelancongan sastera juga dilihat adalah sebahagian daripada masyarakat. Saban kini, seiring dengan ledakan arus modenisasi sektor pelancongan telah menjadi industri yang perkembangan dan kemajuannya dipengaruhi oleh hukum permintaan dan penawaran serta didorong oleh kepentingan ekonomi atau komersial. Walhal, sastera dan pelancongan mempunyai kaitan apabila karya sastera banyak menerima inspirasi daripada industri pelancongan. Tamsilannya, dapat dilihat destinasi pelancongan yang menjadi terkenal ekoran daripada karya sastera dan sasterawan.

Cerpen merupakan sebuah cerita pendek yang akan memberikan kesan dominan kepada pembaca. Tema bagi cerpen adalah realiti yang terkandung berdasarkan fakta yang wujud. Cerpen dapat dihasilkan berdasarkan fakta. Menurut Nuryatin (2010), penghasilan cerpen juga boleh berdasarkan kisah pengarang itu sendiri. Cerpen juga merupakan fiksyen yang jalan ceritanya direka atau dibuat. Walaupun jalan cerita bagi cerpen direka-reka namun ianya tidak akan terpesong dari aspek fakta. Menurut Muhammad Al Afzan bin Ali Hussin (2018), cerpen merupakan akronim daripada dua perkataan iaitu pendek dan perkataan cerita. Lazimnya cerpen akan diterbitkan di majalah dan akhbar. Cerpen secara umumnya digunakan sebagai cerminan perasaan, pandangan, sikap dan fikiran penulis. Cerpen tidak mempunyai tema yang terlalu berat, bilangan watak dalam karya cerpen adalah terhad dan jumlah perkataan antara 500 hingga 5000 atau kurang daripada 10000 patah perkataan. Cerpen kebiasaannya memberi fokus kepada satu peristiwa yang menjadi peristiwa utama. Peristiwa tersebut akan mengalami perkembangan dalam masa yang terdekat.

Perkembangan hanya berlaku kepada watak tertentu dan ianya mempunyai satu plot yang mengalami perkembangan secara jelas. Cerpen juga dianggap sebagai salah satu sastera kreatif. Cerpen mengemukakan aspek kehidupan masyarakat dan menggunakan bahasa yang indah sebagai aspek yang diambil kira dalam sastera kreatif. Cerpen umumnya mempunyai aspek ciri yang sama dengan novel. Tokoh telah menganalisis kehidupan masyarakat menerusi karya cerpen. Menerusi kajian ini, pengkaji ingin menganalisis latar tempat sebagai aspek pelancongan menerusi karya cerpen *Cerita Kota Kami*. Umum mengetahui bahawa latar tempat merupakan lokasi tempat yang menumpukan kejadian atau peristiwa dalam sesebuah karya. Menurut Ibn Hussain Naqud (2003), pelancongan dapat diertikan sebagai individu yang bermusafir ke sesuatu lokasi dengan tujuan tertentu dan tidak mempunyai hasrat untuk berkerja atau berhijrah di lokasi tersebut. Chris Cooper (1993) pula mengatakan pelancongan tidak kesemuanya untuk berhibur atau berseronok namun ianya juga untuk perniagaan, kesihatan dan sukan.

Karya cerpen *Cerita Kota Kami* hasil penulisan Jasni Matlani yang mempunyai 19 buah cerpen. Cerpen ini dilihat unik kerana gaya pertuturan yang dipenuhi dengan bahasa yang indah. Tema yang disampaikan menerusi karya ini juga adalah bersifat mudah difahami. Kumpulan cerpen ini mengisahkan tentang cerita sebuah kota yang ada di negeri Sabah yang mempunyai pelbagai cerita dan kisahnya yang tersendiri. Cerpen ini memberi fokus kepada daerah Beaufort yang ingin menceritakan semula kisahnya yang telah dilupakan oleh masyarakat. Kota tersebut yang berlokasi di tanah rendah dan dipisahkan oleh sebatang sungai mempunyai banyak kisah dan peristiwa namun hanya menunggu seseorang individu untuk menceritakan semula peristiwa tersebut kepada masyarakat. Hal ini adalah bagi memperkenalkan Kota tersebut kepada masyarakat luar dengan menceritakan peristiwa kota tersebut. Hal ini juga amat berkait rapat dengan sektor pelancongan. Kajian ini akan mengungkapkan kisah dan peristiwa tersembunyi di

daerah Beaufort kepada khalayak umum. Hal ini sekaligus akan mempromosikan daerah Beaufort kepada khalayak umum. Secara umumnya daerah Beaufort merupakan sebuah daerah di negeri Sabah dan ianya sering dilihat menjadi sebuah daerah kecil yang menjadi tarikan pelancong.

Menurut Nik Hassan Basri Nik Ab Kadir (2007), latar ialah keterangan atau gambaran persekitaran yang berkaitan atau yang meliputi perihal tentang masa, tempat, masyarakat atau suasana yang terjadi sesuatu peristiwa di dalam karya. Menurut Hashim Awang (1987), mengatakan cerpen merupakan cereka pendek yang membawa persoalan bagi menghasilkan kesan yang indah dan juga memusatkan diri kepada watak dalam situasi di tempat dan masa yang sesuai. Teori sastera budaya merupakan teori yang berkembang selepas daripada kehadiran teori historisisme baru. Melihat dari aspek perkembangan sejarah yang merupakan pecahan daripada teori historisisme baru. Teori Sastera Budaya dapat diertikan sebagai usaha pembaca untuk melihat hubungan diantara teks, pengarang dan pembaca dengan aspek politik, sosial, ekonomi, bahasa, agama dan kesenian hasil refleksi terhadap sesebuah karya teks sastera. Menurut, Womack Kenneth (1999) dalam konteks yang sama melihat aspek yang berkaitan dengan pembentukan individu dan peranannya dalam pembentukan masyarakat.

Justeru itu, kajian ini telah dijalankan bagi meneliti peranan latar tempat sebagai salah satu langkah dalam meningkatkan sektor pelancongan khususnya di daerah Beaufort. Pengaplikasian Teori Sastera Budaya telah mengukuhkan lagi aspek kajian. Penelitian mendalam dalam kajian ini telah mengenal pasti beberapa latar tempat yang dilihat mempunyai tarikan pelancong sekaligus bagi mengekalkan identiti budaya masyarakat setempat. Usaha pengkaji dalam meningkatkan sektor pelancongan menerusi aspek latar tempat dalam kajian ini dilihat telah memperkenalkan daerah Beaufort kepada khalayak ramai.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Laporan ini telah mengenal pasti beberapa latar belakang yang juga menjadi aspek penting dalam laporan kajian. Kajian ini telah dijalankan bagi mengenal pasti latar tempat yang terdapat di daerah Beaufort sebagai salah satu inisiatif untuk meningkatkan sektor pelancongan di daerah tersebut. Pengkaji telah memilih untuk melaksanakan kajian ini kerana kajian yang berkaitan dengan tajuk belum lagi dijalankan oleh para pengkaji lain di Malaysia. Pengkaji telah meneliti kumpulan cerpen yang terkandung dalam karya *Cerita Kota Kami* yang dilihat mempunyai aspek latar tempat dalam usaha memperkenalkan budaya masyarakat setempat sekaligus meningkatkan sektor pelancongan di daerah tersebut. Pengkaji telah mengaplikasikan Teori Sastera Budaya sebagai salah satu langkah dalam meneliti dan melaksanakan kajian ini. Pengkaji telah meneliti 8 buah cerpen daripada 19 buah secara keseluruhan yang dilihat mempunyai kaitan dalam melaksanakan kajian ini.

1.2.1 DEFINISI KONSEP

Laporan ini akan turut menjelaskan definisi konsep bagi memastikan pemahaman yang maksimum dalam laporan kajian ini. Sebelum menelusuri dengan lebih lanjut, memahami definisi konsep adalah amat penting bagi memahami dengan mendalam dalam penelitian laporan kajian ini.

1.2.1.1 LATAR TEMPAT

Menurut Kosasih (2014) latar merangkumi tempat, waktu atau budaya yang digunakan dalam sesebuah cerita. Latar berperanan dalam memperkuat dan meyakinkan pembaca terhadap jalan cerita sesebuah karya. Menurut Nurgiyantoro (2012) latar tempat adalah merupakan lokasi terjadinya peristiwa yang diceritakan dalam karya sastera. Latar tempat merangkumi keadaan, suasana, peristiwa dan sejarah di sesuatu tempat dalam karya sastera. Menurut Nik Hassan Basri

Nik Ab Kadir (2007), latar ialah keterangan atau gambaran persekitaran yang berkaitan atau yang meliputi perihal tentang masa, tempat, masyarakat atau suasana yang terjadi sesuatu peristiwa di dalam karya. Menurut Aminuddin (2002) latar tempat adalah latar yang bersifat fizikal berhubungan dengan tempat.

1.2.1.2 PELANCONGAN

Konsep pelancongan budaya amat kompleks demikian kerana segala perbuatan manusia boleh dianggap sebagai pelancongan budaya. Menurut Smith (1979), pelancongan budaya merujuk kepada kegiatan pelancongan yang menjadikan aspek budaya sebagai daya tarikan utama. Menurut Jamudin (2012) pelancongan merupakan aktiviti melibatkan pergerakan fizikal individu daripada satu tempat ke tempat yang lain. Menurut Ibn Hussain Naqud (2003), pelancongan dapat diertikan sebagai individu yang bermusafir ke sesuatu lokasi dengan tujuan tertentu dan tidak mempunyai hasrat untuk berkerja atau berhijrah di lokasi tersebut. Chris Cooper (1993) pula mengatakan pelancongan tidak kesemuanya untuk berhibur atau berseronok namun ianya juga untuk perniagaan, kesihatan dan sukan. Pelancongan adalah orang yang membuat lawatan atau kunjungan pada masa kelapangan, menurut Oxford English Dictionary. Kamus Dewan menyatakan bahawa perkataan "pelancongan" berasal daripada perkataan "lancong" atau "melancong," yang bermaksud melawat dan melihat-lihat. Pelancongan dan melancong dalam bahasa Inggeris bermaksud "travel" atau "journey." Menurut Noresh Bt Baharom (1997), melancong juga boleh ditakrifkan sebagai meninggalkan tempat tinggal untuk pergi ke sesuatu tempat dengan tujuan tertentu dan berhasrat untuk kembali ke tempat asal.

1.2.1.3 TEORI SASTERA BUDAYA

Teori sastera budaya telah menjadi teori yang diaplikasikan dalam penelitian kajian ini. Menelusuri penelitian latar tempat sebagai medium promosi pelancongan menerusi kumpulan cepren *Cerita Kota Kami* karya Jasni Matlani dapat dilihat amat bersesuaian dengan teori sastera budaya. Teori sastera budaya dapat dilihat mengalami perkembangan selepas munculnya teori historisisme baru. Teori sastera budaya dapat ditakrifkan sebagai usaha pembaca untuk melihat hubungan antara teks, pengarang dan pembaca dengan mengambil kira aspek politik, sosial, ekonomi, bahasa, agama dan kesenian hasil refleksi terhadap pembacaan sesebuah karya sastera.

Teori sastera budaya menganalisis secara analitikal dan terperinci serta masuk ke dalam budaya teks untuk memperlihatkan konsep politik dan kekuasaan. Menurut Alan Sinfield (1992), teori sastera budaya mengkaji segala tindakan manusia memasuki dan membentuk masyarakatnya. Teori sastera budaya secara tidak langsung membicarakan konsep humanisme. Dalam konteks ini, perubahan-perubahan selalu diiringi oleh irama zamannya atau dia sendiri yang mencipta irama perubahan itu. Menurut, Chow Rey (1993), pascamoden ialah suatu zaman perubahan budaya dan inilah yang dihadapi oleh teori budaya.

Teori sastera budaya telah bermula sebagai sebahagian daripada saudara kembar kepada historisisme baru dan kemudiannya membina dirinya sendiri sebagai sebuah teori. Teori sastera budaya berasal daripada pemikiran sastera dan metod kritikan yang digunakan oleh Richard Hoggart dan Raymond Williams yang kedua-duanya berakar daripada tradisi kritikan Marxisme British. Bidang sastera telah menyaksikan teori sastera budaya sebagai teori. Teori Sastera Budaya merupakan gagasan Chris Baker (2000) yang telah diolah oleh Abdul Rahman Hanafiah yang merupakan seorang Sasterawan negeri Perak yang ketiga atau lebih dikenali sebagai Mana Sikana. Teori ini mempunyai pengaruh daripada teori pascamoden dan teori feminisme.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Secara lazimnya, setiap daripada penghasilan kajian sudah pasti ianya mempunyai masalah. Sastera merupakan ekspresi pemikiran artistik dan estetik yang sarat dengan perasaan dan imaginasi bermakna. Berdasarkan tajuk kajian iaitu penelitian latar tempat sebagai medium promosi pelancongan menerusi kumpulan cerpen Cerita Kota Kami karya Jasni Matlani terdapat tiga masalah kajian yang dikenal pasti. Sastera yang mendedikasikan dan mempromosikan tempat pelancongan dalam pelbagai karya sastera yang diciptakan oleh penulis dapat merangsang pertumbuhan pelancongan sastera.

Permasalahan kajian yang pertama ialah kurangnya karya sastera yang membicarakan tentang pelancongan sastera. Dalam konteks ini, karya sastera itu harus dilihat sebagai platform yang boleh menyumbang kepada kemajuan ekonomi khususnya industri pelancongan. Selain itu, permasalahan kajian yang kedua ialah pembangunan pelancongan sastera yang kurang pesat. Menurut Samet Cevik (2020), pelancongan sastera menyediakan pelbagai faedah kepada destinasi apabila dibangunkan sebagai bentuk minat pelancongan yang istimewa. Seterusnya, permasalahan kajian yang ketiga ialah kajian sastera yang mengaplikasikan pendekatan pelancongan kurang diberi perhatian yang serius oleh para pengkaji di negara ini. Hal ini berkemungkinan tiadanya atau kurangnya teori pelancongan sastera dan kurangnya pengkaji yang berminat untuk mengkaji bidang ini.

Permasalahan kajian yang dinyatakan boleh dibuktikan melalui kenyataan daripada Puan Azmah Nordin iaitu Sasterawan Negeri Sabah yang mengatakan peranan Kesusasteraan sebagai ragam pelancongan di Malaysia masih kurang diperkatakan. Kajian atas sumbangan sastera dalam konteks promosi pelancongan masih belum diberi perhatian menyeluruh oleh para perngkaji.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan penelitian latar tempat sebagai medium promosi pelancongan menerusi kumpulan cerpen *Cerita Kota Kami* karya Jasni Matlani, pengkaji telah mengenal pasti 3 persoalan dalam kajian ini : .

1.4.1 Apakah latar tempat yang menjadi aspek penting dalam sektor pelancongan di daerah Beaufort menerusi kumpulan cerpen *Cerita Kota Kami* karya Jasni Matlani?

1.4.2 Sejauh manakah aspek latar tempat mampu meningkatkan sektor pelancongan di daerah Beaufort ?

1.4.3 Apakah budaya masyarakat yang menjadi aspek penting dalam memperkenalkan daerah Beaufort kepada khalayak ramai ?

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan penelitian latar tempat sebagai medium promosi pelancongan menerusi kumpulan cerpen *Cerita Kota Kami* karya Jasni Matlani, pengkaji telah mengenal pasti 3 objektif dalam kajian ini :

1.5.1 Menganalisis latar tempat yang menjadi aspek penting dalam sektor pelancongan menerusi kajian ini.

1.5.2 Menghuraikan keunikan dan keindahan daerah Beaufort kepada khalayak umum.

1.5.3 Mengkaji budaya masyarakat di daerah Beaufort.

1.6 BATASAN KAJIAN

Kajian terhadap penelitian latar tempat sebagai medium promosi pelancongan melalui kumpulan cerpen *Cerita Kota Kami* karya Jasni Matlani telah membataskan kepada dua aspek iaitu analisis teks dan teori. Analisis teks adalah berdasarkan kumpulan cerpen *Cerita Kota Kami* karya Jasni Matlani. Aspek teori pula kajian ini telah membataskan kepada penggunaan Teori Sastera Budaya.

1.6.1 TEKS

Kajian ini tertumpu kepada beberapa aspek penting untuk memastikan penyelidikan yang dijalankan lebih fokus dan mendalam. Skop penyelidikan adalah merangkumi analisis menerusi beberapa kumpulan cerpen *Cerita Kota Kami* karya Jasni Matlani. Cerpen yang terkandung dalam buku kumpulan cerpen tersebut dipilih secara efektif yang bersesuaian dengan tajuk kajian iaitu latar tempat sebagai sektor pelancongan. Kumpulan cerpen yang dipilih adalah bagi memenuhi kehendak kajian yang mempunyai kaitan dengan sektor pelancongan. Aspek yang berkait rapat dengan tajuk kajian adalah latar tempat, budaya dan keunikan tempat yang menjadi aspek penting dalam memenuhi tujuan sektor pelancongan.

Selain itu, kajian ini juga menganalisis hubungkait diantara latar tempat dengan sektor pelancongan. Hubungkait ini adalah dilihat berdasarkan kumpulan cerpen *Cerita Kota Kami*. Fokus utama kajian ini adalah ingin menelusuri budaya dan keunikan daerah Beaufort bagi memperkenalkan dan meningkatkan sektor pelancongan daerah tersebut agar selaras dengan daerah lain. Skop kajian ini membuktikan peranan cerpen dalam usaha memperkenalkan keunikan tempat. Kumpulan cerpen *Cerita Kota Kami* mempunyai 19 buah cerpen secara keseluruhan namun pengkaji telah membataskan kepada 8 buah cerpen sahaja dalam melaksanakan kajian ini.

1.6.2 TEORI

Kajian ini mempunyai hubungkait dengan penerapan teori yang menjadi aspek penting dalam kajian ini. Kajian ini menggunakan Teori Sastera Budaya. Teori Sastera Budaya dapat ditakrifkan sebagai pendekatan dalam bidang sastera yang dihubungkan dengan konteks budaya menurut Raymond Williams. Teori sastera budaya amat berkait rapat dengan kajian ini kerana kajian ini kan menelusuri budaya masyarakat khususnya di daerah Beaufort. Zainal Abidin Borhan (2006) mengatakan sastera mempunyai peranan dalam menjelaskan budaya manusia dan alam. Menurut Chris Weedon (2001) pula kajian budaya berkembang kesan daripada minat masyarakat terhadap aspek budaya dan kuasa. Menerusi karya Isun-isun Citra Budaya Bajau, Kramsch (1998) *-- menjelaskan tentang hubungan diantara kebudayaan dan bahasa iaitu semasa bahasa diguna pakai dalam aspek komunikasi. Teori sastera budaya akan mengeluarkan beberapa budaya dalam karya cerpen ini bagi melaksanakan kajian ini.

Teori sastera budaya menganalisis secara analitikal dan terperinci serta masuk ke dalam budaya teks untuk memperlihatkan konsep politik dan kekuasaan Teori sastera budaya dapat dilihat mengalami perkembangan selepas munculnya teori historisisme baru. Teori sastera budaya dapat ditakrifkan sebagai usaha pembaca untuk melihat hubungan antara teks, pengarang dan pembaca dengan mengambil kira aspek politik, sosial, ekonomi, bahasa, agama dan kesenian hasil refleksi terhadap pembasaan sesebuah karya sastera. Teori Sastera Budaya merupakan gagasan Chris Baker (2000) yang telah diolah oleh Abdul Rahman Hanafiah yang merupakan seorang Sasterawan negeri Perak yang ketiga atau lebih dikenali sebagai Mana Sikana. Teori ini mempunyai pengaruh daripada teori pascamoden dan teori feminisme.

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Secara lazimnya kajian ini adalah berdasarkan sektor pelancongan yang menjadi aspek utama dalam kajian ini. Menerusi kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti kepentingan yang menjadi manfaat kepada individu, masyarakat dan negara.

1.7.1 Individu

Kajian ini mempunyai kepentingan yang ketara dalam pelbagai aspek termasuk akademik, budaya dan ekonomi. Menerusi penelitian yang mendalam dalam kajian ini individu akan dapat mengenali keindahan dan keunikan daerah Beaufort. Setiap individu akan berupaya mengenali sejarah asal usul penciptaan daerah Beaufort sebagai salah satu langkah dalam menonjolkan keunikan daerah tersebut. Selain itu, dapat mengenal pasti tempat menarik yang sesuai dikunjungi di daerah Beaufort. Setiap individu akan dapat meletakkan daerah Beaufort sebagai salah satu lokasi pelancongan.

1.7.2 Masyarakat

Kajian ini menggunakan elemen cerpen yang mampu memperkenalkan elemen cerpen kepada masyarakat. Umumnya cerpen merupakan salah satu elemen dalam bidang. Menerapkan elemen cerpen dalam kajian ini akan mamperluaskan lagi pengetahuan masyarakat tentang bidang sastera. Selain itu, budaya masyarakat Beaufort dapat diperkenalkan untuk dipelajari dan ditelesuri oleh masyarakat lain. . Kajian ini akan memperkenalkan daerah Beaufort kepada khalayak ramai yang akan mampu meningkatkan sektor pelancongan bagi daerah tersebut. Melihat dari perspektif akademik kajian ini memberikan kepentingan melalui bidang sastera. Cerpen amat berperanan dalam menyampaikan kisah peristiwa bagi sesebuah kehidupan masyarakat. Budaya amat penting dalam mencerminkan kehidupan sesebuah kelompok masyarakat. Budaya juga akan menonjolkan

keunikan masyarakatnya. Menerusi kajian ini aspek budaya dapat ditonjolkan bagi masyarakat di daerah Beaufort. Masyarakat akan mula mengenali keindahan dan keunikan daerah tersebut sehingga ianya akan melancarkan sektor pelancongan di daerah tersebut dan ianya akan berkembang dengan pesat. Hal ini amat membantu kepada kemajuan daerah tersebut.

1.7.3 Negara

Kajian ini turut memberi manfaat atau kelebihan kepada negara iaitu sumber ekonomi negara akan bertambah ekoran daripada peningkatan sektor pelancongan khususnya di daerah Beaufort. Tambahan pula aspek ekonomi juga turut menyumbang kepada kajian ini. Kemajuan terhadap sektor pelancongan di daerah tersebut akan meningkatkan sumber pendapatan negara sekaligus menjadikan negara sebagai sebuah negara yang mampu bersaing dengan negara lain. Selain itu, imej negara akan meningkat ekoran daripada budaya masyarakat Beaufort khususnya yang dilihat unik. Hal ini akan meningkatkan imej daerah tersebut sekaligus memberi cerminan baik terhadap imej negara tersebut kepada masyarakat luar.

1.8 KESIMPULAN

Konklusinya, menerusi kajian ini pengkaji telah menyenaraikan 3 objektif yang ingin dicapai menerusi kajian ini. Kajian ini dilihat telah berjaya mencapai objektifnya. Kajian ini telah berjaya menganalisis keunikan, latar tempat dan budaya yang mampu memperkenalkan nama Beaufort kepada masyarakat luar. Pengkaji juga telah mengenal pasti pernyataan masalah kedua iaitu sektor pelancongan di daerah Beaufort kurang berkembang. Hal ini demikian kerana pengkaji mengenal pasti punca berlakunya isu ini ialah kurangnya penyebaran tentang keindahan dan kelebihan infrastruktur yang ada di lokasi tersebut. Hal ini telah menimbulkan keperluan pengkaji bagi memperkenalkan dan mempromosikan daerah tersebut menerusi aspek latar tempat bagi tujuan memaksimumkan sektor pelancongan. Kajian ini juga turut mengenal pasti dua tujuan yang menyebabkan pengkaji mempunyai gerak hati untuk melaksanakan kajian ini. Tujuan pertama kajian ialah pengkaji ingin memperkenalkan dan mempromosikan daerah Beaufort kepada khalayak umum menerusi aspek latar tempat sebagai sektor pelancongan. Tujuan ini akan mampu menaikkan lagi nama dan mutu daerah tersebut. Tambahan pula sektor pelancongan bagi daerah tersebut akan berkembang dengan pesat.

Kajian ini juga menganalisis hubungkait diantara latar tempat dengan sektor pelancongan. Hubungkait ini adalah dilihat berdasarkan kumpulan cerpen *Cerita Kota Kami*. Fokus utama kajian ini adalah ingin menelusuri budaya dan keunikan daerah Beaufort bagi memperkenalkan dan meningkatkan sektor pelancongan daerah tersebut agar selaras dengan daerah lain. Skop kajian ini membuktikan peranan cerpen dalam usaha memperkenalkan keunikan tempat. Kajian ini mempunyai kepentingan yang ketara dalam pelbagai aspek termasuk akademik, budaya dan ekonomi. Melihat dari perspektif akademik kajian ini memberikan kepentingan melalui bidang sastera. Kajian ini menggunakan elemen cerpen yang mampu memperkenalkan elemen cerpen

kepada masyarakat. Selain itu, aspek budaya juga turut menyumbang menerusi kajian ini. Budaya amat penting dalam mencerminkan kehidupan sesebuah kelompok masyarakat. Budaya juga akan menonjolkan keunikan masyarakatnya. Menerusi kajian ini aspek budaya dapat ditonjolkan bagi masyarakat di daerah Beaufort. Hal ini akan meningkatkan imej daerah tersebut sekaligus memberi cerminan baik terhadap daerah tersebut kepada masyarakat luar.

Kajian ini telah menyebarkan peristiwa dan keunikan daerah Beaufort kepada khalayak ramai. Hal ini telah membantu kepada kemajuan daerah tersebut dengan peningkatan sektor pelancongannya. Kajian ini mempunyai hubungkait dengan penerapan teori yang menjadi aspek penting dalam kajian ini. Kajian ini menggunakan teori sastera budaya. Budaya-budaya yang menjadi tradisi masyarakat daerah Beaufort juga telah diperkenalkan kepada masyarakat luar. Hal ini telah berjaya membuka mata masyarakat luar untuk lebih mengenali daerah Beaufort. Elemen cerpen juga berjaya membuka mata masyarakat untuk mempelajari bidang sastera kerana cerpen merupakan salah satu bidang sastera. Oleh yang demikian, kajian ini telah berjaya mengeluarkan latar tempat dan budaya yang menjadi alat promosi pelancongan dan memperkenalkan keunikan kehidupan masyarakat di Beaufort.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 PENGENALAN

Menurut Amani Dahaman (2011), kajian lepas atau sorotan kajian merupakan ulasan maklumat yang diperoleh daripada jurnal, buku dan penyelidikan lepas iaitu tesis untuk diterapkan kepada penyelidikan baharu. Menurut Fink (1998), sorotan kajian lepas dapat ditakrifkan sebagai penelitian yang sistematik dan jelas untuk lebih mengenali, mentafsir dan menilai hasil penulisan oleh pengkaji lain bagi tujuan rujukan tambahan. Menurut Berg (1998), menjelaskan sorotan kajian merupakan penelitian secara terperinci bahan-bahan yang mempunyai kaitan dengan tajuk kajian yang dijalankan. Kajian ini akan turut menelusuri kajian-kajian lepas yang akan membantu dalam kajian ini. Kajian-kajian lepas tersebut adalah merangkumi kajian tesis, kajian artikel jurnal, kajian buku dan kajian lain-lain seperti majalah dan akhbar. Penelitian terhadap kajian-kajian lepas adalah meneliti tiga aspek iaitu latar tempat, cerpen dan teori sastera budaya. Menerusi penelitian terhadap kajian-kajian lepas, pengkaji juga akan dapat menambah pengetahuan baharu dengan meresap ilmu yang diperoleh daripada pembacaan mendalam terhadap kajian-kajian lepas. Sorotan kajian adalah bagi melihat sejauh manakah dan sebanyak manakah pengkaji-pengkaji lain telah melakukan kajian yang mempunyai kaitan dengan tajuk yang dipilih.

2.2 KAJIAN LEPAS MENGENAI LATAR TEMPAT

Berikut merupakan kajian-kajian lepas berkaitan tentang latar tempat meliputi kajian tesis, buku, artikel jurnal dan akhbar.

2.2.1 TESIS

Kajian tesis oleh Nur Aisyah Azma Binti Azelan (2023) ini adalah bagi mengkaji faktor keterikatan tempat dalam mempengaruhi penglibatan komuniti di Bukit Jugra, Selangor. Keterikatan tempat mementingkan unsur instrinsik di dalam diri manusia terhadap aspek fizikal sesebuah tempat dan aktiviti sosial yang dilaksanakan di situ yang memberi makna seterusnya membentuk identiti Bukit Jugra. Justeru itu, kajian ini adalah menumpukan aspek fizikal, sosial dan sejarah Bukit Jugra dalam mempengaruhi penglibatan masyarakat dan cabarannya. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Menerusi kajian ini pengkaji telah mengenal pasti beberapa lokasi yang menjadi aspek penting dalam kajian ini.

Selain itu, kajian tesis Hardiyani Windari (2015) berkaitan dengan analisis latar dalam buku Mochtar Lubis Jalan Tak Ada Ujung. Dengan melakukan analisis objektif dan impak novel, penyelidikan ini bertujuan untuk menentukan latar yang digambarkan dalam karya tersebut. Kajian ini adalah kualitatif. Setiap peristiwa yang terkandung dalam cerita boleh diteliti oleh latar melalui penyelidikan kajian ini. Melalui kajian ini, dapat mengenal pasti salah satu unsur dalam penghasilan cerita ialah latar. Kajian ini telah memberi kemudahan kepada pengkaji lain untuk lebih memahami konsep latar. Hasil penelitian mendalam, latar bukan sahaja berkaitan tentang tempat bahkan ianya juga berkaitan dengan masa dan keadaan sosial di dalam novel.

2.2.2 BUKU

Kajian buku daripada Dr. Mohd Firdaus bin Che Yaacob yang bertajuk *Seuntaian Naratif di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* mengisarkan tentang cerita rakyat di negeri Kelantan. Buku ini bukan sahaja menceritakan tentang cerita rakyat negeri Kelantan bahkan ianya juga menimbulkan beberapa latar tempat yang menjadi lokasi penting dalam karya buku ini. Menerusi buku ini, penulis telah mencurahkan nukilan dan ideanya dengan menggunakan dialek Kelantan sepenuhnya di dalam karya ini sebagai satu langkah cerminan identiti masyarakat Kelantan. Antara latar tempat yang terlibat di dalam karya buku ini termasuklah Kampung Pengkalan Datu, Kampung Pantai Senak, Kampung Kedai Lalat dan Kampung Babong. Setiap latar tempat yang diketengahkan di dalam buku ini bukan sahaja menyebarkan cerita rakyat di setiap kampung tersebut bahkan ianya juga telah menjadi cerminan unik kepada identiti masyarakat di negeri Kelantan.

2.2.3 ARTIKEL JURNAL

Kajian yang dilakukan oleh Nazirah Ismail (2020) mempunyai kaitan dengan dialog yang terdapat dalam novel thriller. Elemen latar, yang terdapat dalam novel thriller, dikenal pasti dan dibincangkan dalam kajian ini. Novel thriller boleh ditakrifkan sebagai novel yang mempunyai elemen penyiasatan dan menimbulkan debaran yang berterusan kepada pembaca. Analisis wacana oleh Normaliza Abdul Rahim (2019) akan digunakan dalam kajian ini. Kajian telah dipilih berdasarkan novel Legasi Tombiruo kerana ia menunjukkan kehidupan sebenar masyarakat. Kajian mendapati bahawa bahasa yang digunakan dalam novel Legasi Tombiruo menunjukkan elemen latar. Dijangkakan kajian ini akan membantu penulis menghasilkan lebih banyak karya yang berkualiti tinggi.

Novel merupakan teks yang mempunyai aspek penceritaan. Novel thriller adalah sebuah fiksi tentang penyiasatan dan jenayah. Novel *Cincin Rahsia* karya Hashim Amir Hamzah (1951) merupakan novel terawal yang berunsur thriller di Malaysia. Menurut Frey (2020, p.5), novel yang berunsur thriller mempunyai aspek kebijaksanaan, dan kesukaran. Ramlee Awang Murshid menjadi pengarang novel berunsur thriller yang paling terkenal sehingga kini. *Rahsia Perindu* (2005), *ADAM* (2002) dan *Mandatori* (2000) merupakan antara novel thriller yang dihasilkan oleh beliau. Latar tempat dapat ditakrifkan sebagai tempat atau lokasi berlakunya sesuatu perkara. Menelusuri kajian dalam novel *Legasi Tombiruo* antara latar tempat yang terlibat ialah Negeri Sembilan, Selangor, Melaka, Sabah dan Kuala Lumpur. Negeri Selangor dan Kuala Lumpur menjadi latar utama dalam kajian ini.

Lokasi Kuala Lumpur sering disebut sebagai "Bandar Raya", "Ibu Kota" atau "Ibu Negara" kerana kebanyakannya mempunyai unsur misteri yang tidak dapat dijelaskan dengan jelas. Selain itu, dikatakan bahawa Kuala Selangor, Shah Alam, Banting dan Dengkil adalah kawasan di Selangor. Tempat watak utama dalam novel ini, Sarah dan Ejim, sering dikaitkan dengan Selangor. Ejim tinggal di Dengkil, sebuah kawasan di pinggir Selangor, yang memenuhi sifat Ejim yang sangat menyukai alam semula jadi. Selain itu, Sarah tinggal di Shah Alam.

Selain itu, kajian daripada Farah Maulida (2016) yang berkaitan latar dalam Novel *The Twilight Saga* karya Stephenie Meyer. Kajian ini dijalankan adalah bagi mengenal pasti latar tempat, masa dan suasana serta memberi gambaran tentang perasaan tokoh utama iaitu Bella Swan menerusi ketiga-tiga aspek tersebut. Pengambaran latar tempat dilaksanakan melalui gambaran suatu tempat yang unik dan unggul. Hal ini telah membuktikan latar tempat adalah aspek penting dalam penghasilan sesebuah karya sastera. Dalam kajian ini, latar tempat yang digambarkan mempunyai ciri khas iaitu lokasi kedai yang menjual barang-barang termasuklah makanan. Dalam

kajian ini juga mendapati terdapatnya pembeli dan penjual yang melakukan transaksi jual beli. Latar tempat dalam karya novel kebiasaannya mempunyai banyak lokasi. Latar tempat menerusi karya yang dipilih dalam kajian ini dilihat berpindah-randah dari satu tempat ke tempat lain sejajar dengan perkembangan plot.

Di samping itu, kajian yang dilakukan oleh Suryadi Mohd Yatim pada tahun 2019 dengan tajuk "Kepentingan set latar dalam pemahaman penonton tentang cerita," dikaji pada pementasan teater *The Miracle Seed* di negeri Kelantan pada 2017. Kajian menunjukkan betapa pentingnya set latar teater untuk membolehkan penonton memahami cerita *The Miracle Seed*. Satu objek yang diletakkan di atas pentas untuk menggambarkan latar masa, tempat dan masyarakat cerita. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui peranan dan fungsi set latar dalam pementasan teater. Ia juga mengkaji elemen visual yang digunakan dalam pementasan teater *The Miracle Seed*. Kajian menunjukkan bahawa pereka set produksi tidak menentukan fungsi dan peranan set latar dalam pementasan teater. Ini menyebabkan penonton tidak memahami dan tidak fokus pada cerita. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk memberi penjelasan kepada semua produksi teater mengenai peranan set latar dalam pementasan teater dan bagaimana ia mempengaruhi pemahaman penonton tentang persembahan. Keputusan: Kajian ini diharapkan menjadi rujukan kepada generasi akan datang, terutamanya kepada penyelidik dan pelajar yang akan datang.

Tambahan pula, kajian daripada Ayu Amalia dengan tajuk kajiannya analisis latar dalam novel *Negeri Para Bedebah* karya Tere Liye dengan pendekatan struktur. Menerusi penelitian dalam kajian ini pengkaji iaitu Ayu Amalia ingin meneliti aspek latar sebagai bahan kajian. Latar adalah aspek yang meliputi sebuah peristiwa dalam cerita. Permasalahan dan objektif kajian ialah mendeskripsikan latar tempat, latar masa dan latar sosial yang terkandung dalam karya novel tersebut. Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif dalam kajian ini. Pengumpulan data secara menyeluruh telah digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini. Pengkaji telah mengenal pasti 13 latar tempat yang terkandung dalam novel *Negeri Para Bedebah* yang menjadi karya utama dalam kajian ini. Menerusi kajian ini pengkaji telah mengenal pasti bahawa aspek latar amat berkait rapat dengan karya sastera dan ianya tidak dapat dipisahkan. Di samping itu, latar berperanan untuk menimbulkan tanggapan atau suasana yang memberi efektif dalam sesebuah karya. Hal ini amat penting bagi memastikan peristiwa dalam karya sastera dapat dirasakan seolah-olah ianya nyata.

Kajian Maulana Al-Fin Che Man (2022), "Latar geografi maritim dan akal budi Melayu dalam pantun," melihat bagaimana latar tempat geografi (maritim) digunakan dalam karya pantun. Banyak pantun tradisional Melayu menggambarkan struktur latar geografi maritim Nusantara. Dunia geografi terdiri daripada dua bahagian: geografi fizikal dan geografi manusia. Dalam membuat pantun, orang Melayu lebih suka menggunakan latar bumi sebenar. Pemilihan leksikal, makna, dan falsafah yang terkandung dalam pantun menentukan nilai estetika mereka. Majoriti kajian terdahulu hanya menghuraikan makna pantun melalui bait-baitnya. Ini berlaku walaupun terdapat banyak kajian yang telah dijalankan mengenai pantun. Teori seperti Teori Relevans dan Teori Medan Makna hanya meletakkan kajian pantun pada tahap kognitif. Pendekatan semantik inkuisitif memfokuskan kajian pantun pada elemen flora dan fauna berbanding latar geografi maritim. Secara khusus, tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti geografi tempat (maritim)

berdasarkan unsur-unsur geografi yang terdapat dalam pantun tradisional Melayu, seperti pulau, tanjung, kuala, teluk, laut dan pantai. Ia juga bertujuan untuk menghuraikan hubungan antara pembayang dan makna pantun yang mengandungi unsur-unsur geografi tempat (maritim) secara lebih mendalam, dengan matlamat untuk menemui falsafah dan akal budi Melayu. Dalam buku Kurik Kundi Merah Saga Kumpulan Pantun Lisan Melayu (2013), data kajian ini tertumpu kepada pantun yang berkaitan dengan geografi tempat (maritim). Sebanyak 408 pantun mempunyai leksikal geografi tempat (maritim) dan pendekatan semantik inkuisitif digunakan.

Akhir sekali, kajian Melki Reno Patra (2019), "Unsur Intrinsik Latar Tempat dalam Novel Arah Langkah" Fiersa Basari, membincangkan unsur intrinsik latar tempat. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji dan memahami cara proses mengenal pasti elemen latar tempat dalam karya. Latar tempat, elemen utama kajian ini, telah banyak dikenal pasti melalui penyelidikan kajian ini. Pelabuhan Merak, Kota Bandar Lampung, Gunung Sibayak, Telur Bayur dan Lawang Park adalah antara latar tempat yang digambarkan dalam karya ini. Tokoh-tokoh dalam karya telah melawat semua latar tempat ini untuk menunjukkan tempat terbaik mereka kepada orang luar.

2.2.4 LAIN-LAIN (AKHBAR)

Kajian daripada Mohd Ali bin Salim menerusi akhbar Utusan Sarawak yang bertajuk latar dan konflik dalam cerpen *Aku Salah*. Kekuatan cerpen *Aku Salah* adalah apabila pengarang tersebut menguasai subjek yang mana ianya menjadi bahan utama dalam cerita. Sebagai contoh, aspek latar yang menjadi aspek utama dalam menghasilkan karya penulisan sastera. Melalui kajian dalam cerpen ini, penulis telah berjaya mengetengahkan aspek latar tempat di mana berlakunya peristiwa tanpa perlu disebut secara jelas seperti universiti atau sekolah. Pembaca dapat memahami dengan mudah bahawa ianya menceritakan kehidupan seorang pelajar pada waktu awal pagi sebelum ke kuliah menerusi aspek latar tempat di dalam cerpen tersebut. Penulis juga dapat mengeluarkan latar tempat dengan gaya hidup watak di dalam cerpen tersebut. Menerusi kajian ini dapat dilihat aspek latar tempat amat penting dalam memudahkan pembaca memahami peristiwa atau jalan cerita yang ingin disampaikan di dalam karya.

2.3 KAJIAN LEPAS MENGENAI CERPEN

Berikut merupakan kajian-kajian lepas mengenai cerpen meliputi kajian tesis, buku, artikel jurnal dan akhbar.

2.3.1 TESIS

Kajian tesis Siti Munirah Binti Sayuti (2023) mengkaji unsur Islam dalam cerpen Radzemah Bolhassan's Antologi Sejadah Ibadah. Kajian ini menunjukkan kehidupan masyarakat. Fokus kajian ini adalah untuk meningkatkan nilai berbuat baik kepada Allah SWT. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti unsur Islam dan menganalisis isu sosial yang timbul dalam kehidupan bermasyarakat. Dengan cara ini, ia bertujuan untuk membangkitkan rasa cinta kepada Allah SWT dan menerangkan cara untuk meningkatkan nilai ketakwaan kepada Allah SWT. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif, termasuk kepustakaan, sumber internet dan analisis tekstual. Oleh itu, kajian ini menggunakan teori Pengkaedahan Melayu dengan menggunakan pendekatan keagamaan. Oleh itu, keputusan kajian menunjukkan cara masyarakat membentuk dirinya. Masyarakat mendapat manfaat besar daripada kajian ini kerana ia meningkatkan kepercayaan diri.

Rosanita Bt Hussin telah menyelesaikan tesisnya pada 2018 dengan tajuk "Psikologi kanak-kanak dalam cerpen terpilih Zaharah Nawawi." Tiga cerpen, Komputer Baru Untuk Mama (1998), Wangian Bukit Peranginan (2002) dan Di Hujung Penantian (1993), telah menjadi subjek kajian ini. Pengkaji memilih cerpen ini kerana ia belum dikaji oleh orang lain, terutamanya mereka yang menggunakan pendekatan psikologi. Tujuan kajian ini adalah untuk mencari cerpen yang menunjukkan psikologi kanak-kanak dan mengkategorikan tingkah laku kanak-kanak.

Kemudian, kajian tesis Kasmaizun Enuni Binti Mohd Sarji (2018), "Unsur Alam dalam Kumpulan Cerpen Pilihan Siti Zainon Ismail." Kajian ini telah menentukan unsur alam dalam cerpen, menganalisis makna unsur alam dalam setiap kumpulan cerpen, dan merumuskan kepengaruhan berdasarkan pengungkapan unsur alam dalam setiap kumpulan cerpen. Pengkaji dalam kajian ini telah menggunakan kaedah kepustakaan, di mana mereka menggunakan bahan bercetak seperti jurnal, tesis dan bahan ilmiah. Kajian ini telah menggunakan teori konseptual. Bukan sahaja elemen alam telah dibincangkan dalam kajian ini, tetapi masyarakat juga telah dimaklumkan tentang kepentingan alam kepada masyarakat.

Tambahan pula, kajian tesis Ain Nurani Binti Zulkifli (2022), Analisis ragam bahasa dalam antologi cerpen kanak-kanak Tiga Dunia. Bahasa yang digunakan dalam cerpen kanak-kanak adalah subjek kajian ini. Kajian ini dijalankan dengan dua matlamat: untuk menentukan ragam bahasa yang terdapat dalam antologi cerpen dan untuk menghuraikan ragam bahasa ini dengan menggunakan kerangka Za'ba (1965). Fokus kajian ialah lima belas ragam bahasa. Untuk menjalankan kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif, iaitu analisis teks. Pengkaji telah memilih lapan cerpen untuk kajian ini. Kajian ini telah menunjukkan kepada masyarakat pelbagai ragam bahasa yang boleh memartabatkan Bahasa Melayu.

2.3.2 BUKU

Kajian daripada Cerpen Melayu Selepas Perang Dunia Kedua: Satu Analisa Tentang Pemikiran dan Struktur mengkaji perkembangan tema, pemikiran dan struktur dalam cerpen Melayu. Tujuannya adalah untuk melihat pelbagai evolusi pemikiran dari semua aspek penulisan yang disampaikan melalui karya sastra genre cerpen. Kajian ini didasarkan pada sekumpulan buku cerpen. Kekurangannya tidak dapat dinafikan. Selain itu, tidak semua pengarang di negara kita ini mendapat peluang atau kesempatan untuk mengumpul dan menerbitkan cerpen mereka, yang sebelum ini telah disiarkan dalam pelbagai majalah dan akhbar. Selain itu, Jelaslah Cerpen Melayu Selepas Perang Dunia Kedua: Satu Analisa Tentang Pemikiran dan Struktur melibatkan tempoh masa yang agak lama. Oleh itu, adalah mustahil untuk menyiasat setiap cerpen yang ditulis oleh setiap pengarang. Oleh itu, penulis menetapkan batasan untuk memilih dan mengkaji beberapa pengarang penting yang juga mempunyai cerpen yang bernilai. Semasa bercakap tentang elemen struktur dan tema pemikiran, penulis juga melakukan perkara yang sama.

2.3.3 ARTIKEL JURNAL

Norfazila Aron (2024) mengkaji aspek pemikiran kreatif dalam Kumpulan Cerpen Cerita Monyet, Anjing dan Pohon Ginkgo oleh Jasni Matlani. Teori sistem pemikiran bersepadu 4L (luhur, lahir, logik, dan lateral) telah digunakan dalam kajian ini. Teori ini menunjukkan bahawa pemikiran luhur dan pemikiran logik adalah jenis pemikiran yang sering dikaitkan dengan penceritaannya. Kerohanian dalam kehidupan boleh ditakrifkan sebagai pemikiran luhur. Selain itu, pemikiran logik ialah jenis pemikiran yang mengutamakan fakta dan peristiwa yang telah berlaku untuk membentuk sejarah seseorang individu. Menurut kajian ini, watak bukan manusia menonjolkan corak peribadi dalam kehidupan masyarakat.

Kajian ini telah menggunakan teori SPB4L bagi mengenal pasti aspek yang telah memberi gambaran pemikiran menerusi watak dan jalan cerita dalam penulisan cerpen Jasni Matlani. Hal ini adalah jelas menunjukkan aspek pemikiran amat penting dalam sesebuah penghasilan karya sastera agar hasil penulisan lebih banyak menampilkan nilai positif. Kumpulan cerpen ini dilihat sebagai satu sentuhan imaginatif Jasni Matlani yang sarat dengan mesej tersurat dan tersirat. Hal ini banyak menonjolkan pelbagai teknik yang sebahagiannya bersifat eksperimen melalui penggulatan perjalanan dan pengalaman yang luas. Kajian ini dilihat dihasilkan adalah bagi mengealpasti aspek pemikiran kreatif Kumpulan *Cerpen Cerita Monyet, Anjing dan Pohon Ginkgo*. Selain itu, kajian ini juga dilihat bagi menghuraikan pemikiran kreatif dalam Kumpulan cerpen dengan pengaplikasian teori SPB4L. Kajian ini dilihat amat berperanan dalam memberikan manfaat kepada pengkaji lain yang ingin mengkaji tentang Jasni Matlani. Kajian ini juga telah memperlihatkan kepada masyarakat faktor sesebuah karya cerpen perlu dihasilkan.

Selain itu, kajian ini juga akan menjadi dokumentasi dan sumber rujukan kepada pelajar universiti yang berkemungkinan mempunyai tajuk kajian yang hampir sama. Pemikiran kreatif adalah aspek yang mengambil kira aspek peradaban masyarakat. Nilai kemanusiaan dan pengolahan kreatif pengkarya dalam menghasilkan sesebuah karya sastera menjadi aspek penting dalam kajian ini. Hal ini dapat dilihat menerusi cerpen ini penulis telah mengembangkan cerita melalui budaya masyarakat yang sedia ada. Kajian ini telah menonjolkan tentang diri penulis dalam mengembangkan ideanya bagi menghasilkan sebuah karya yang kreatif menerusi Kumpulan cerpen ini. Kajian menerusi cerpen ini banyak menonjolkan unsur kreativiti.

Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Roziah Adama pada 2018 menghubungkan elemen realisme magis yang tidak dapat dijelaskan dalam antologi cerpen Laron yang ditulis oleh Jasni Matlani. Kumpulan cerpen Laron, yang ditulis oleh Jasni Matlani (2010), yang terdiri daripada 30 cerpen, akan dikaji dalam kajian ini. Walau bagaimanapun, penyelidikan ini hanya melihat lima cerpen: Di Bawah Pohon Angsana, Dua Helai Daun, Kisah Di Sebuah Taman dan Perempuan Berbau Harum. Penulisan realistik yang dipengaruhi oleh aliran Wendy B. Analisis kelima-lima cerpen tersebut tertumpu kepada faris, iaitu elemen yang tidak dapat dijelaskan. Wendy B. menyatakan Faris Irreducible Element ialah perkara yang tidak boleh dijelaskan mengikut hukum alam berdasarkan logik, kepercayaan, atau apa yang kita ketahui. Oleh itu, kajian ini berpusat pada dua elemen utama iaitu objek magis, yang terdiri daripada benda, tempat dan bunyi. Ia menunjukkan cara watak dalam karya dicipta dalam dunia sebenar. Hasil kajian menunjukkan bahawa karya Jasni Matlani boleh dikategorikan sebagai karya realisme magis kerana ia memenuhi konsep elemen yang tidak dapat dijelaskan.

Selepas itu, kajian Veno a/l Supaya (2020) mengenai nilai kemanusiaan dalam antologi cerpen Tamarai Ilaikal oleh Paavai digunakan mengikut teori Tirukkural. Menggunakan teori Tirukkural, kajian ini cuba menjelaskan nilai kemanusiaan dalam kumpulan cerpen Tamarai Ilaikal karya Paavai. Kumpulan cerpen Tamarai Ilaikal yang dicipta oleh Paavai adalah sumber utama kajian ini. Pendekatan teori Tirukkural digunakan untuk menganalisis nilai kemanusiaan yang terkandung dalam antologi cerpen Tamarai Ilaikal oleh Paavai. Pendekatan yang digunakan oleh pengkaji adalah kualitatif. Kajian ini menggunakan tiga pendekatan: kaedah perpustakaan, kaedah analisis teks dan kaedah kajian lapangan. Data dikaji melalui analisis deskriptif berdasarkan prinsip kemanusiaan teori Tirukkural. Data yang diperoleh daripada analisis kandungan membentuk uraian deskriptif. Kajian ini menunjukkan nilai kemanusiaan dalam kumpulan cerpen

Tāmarai Ilaikaḷ Paavai dari sudut pandangan teori Tirukkuraḷ, menganalisis nilai kemanusiaan dalam kumpulan cerpen ini, dan menjelaskan unsur-unsur pengajaran yang terkandung dalam kumpulan cerpen ini. Kajian ini mendapati bahawa Tāmarai Ilaikaḷ Paavai mengandungi nilai kemanusiaan berdasarkan teori Tirukkuraḷ.

Akhir sekali, kajian daripada Zul Fadli Mohd Kamal (2024) yang bertajuk keberanian masyarakat Melayu dalam cerpen *Remaja Pasca 13 Mei* : Perbandingan Nazel Hashim dan Ismail Sarbini. Kajian ini adalah membincangkan tentang nilai keberanian menerusi tema kemasyarakatan serta pendekatan kepengarangan masing-masing. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan hanya membincangkan 4 buah cerpen sahaja dalam kajian ini. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa kedua-dua penulis menekankan nilai keberanian namun mempunyai perbezaan melalui pendekatan penyampaian nilai tersebut. Nazel Hashim memilih gaya penceritaan yang dramatik yang menampilkan watak dengan menggambarkan keberanian fizikal dan moral secara jelas walhal Ismail Sarbini pula lebih cenderung kepada pendekatan yang lebih halus dengan menekankan perkembangan psikologi watak serta konflik dalaman yang dihadapi mereka. Dalam konteks semasa, implikasi kajian ini sangat relevan kerana ianya boleh memberi inspirasi kepada golongan belia pelbagai bangsa dalam membentuk sahsiah diri berpandukan perpaduan dan nilai keberanian terutama dengan dunia yang semakin mencabar.

2.3.4 LAIN-LAIN (AKHBAR)

Kajian terbitan Utusan Sarawak (2024) yang bertajuk keseimbangan antara nilai ilmu dan elemen sastera dalam cerpen. Kajian ini adalah membincangkan tentang hubungkait diantara ilmu dan bidang sastera dalam karya cerpen. Sastera dan bahasa amat berkait rapat apabila ianya telah merentasi disiplin ilmu untuk diterapkan di dalam karya sastera. Setiap pengkarya akan mempunyai satu ihtizam untuk mengaplikasikan elemen ilmu di dalam karyanya. Pembaca akan memperoleh ilmu daripada karya sastera dan bukannya artikel perubatan. Pengarang perlu bijak dalam memilih fakta yang ingin dimasukkan agar karya dapat dimartabatkan dan mempunyai keseimbangan dari aspek sastera dan ilmu.

2.4 KAJIAN LEPAS MENGENAI TEORI SASTERA BUDAYA

Berikut merupakan kajian lepas mengenai teori sastera budaya meliputi kajian tesis, buku, artikel jurnal dan akhbar.

2.4.1 TESIS

Muhammad Irfan Nyia (2013) menjalankan kajian yang bertujuan untuk mengkaji dan menganalisis elemen budaya yang terdapat dalam puisi sasterawan negara Muhammad Haji Salleh. Sajak-sajak seperti *Dari Seberang Diri* (1982), *Pendatang* (1974), *Sebuah Unggun Di Tepi Danau* (1996) dan *Salju Shibuya* (2004) telah dipilih kerana ia menunjukkan tahap kebijaksanaan, imaginasi dan pengetahuan yang tinggi. Dalam kajian ini, teori sastera budaya telah dipilih untuk menunjukkan aspek budaya yang terkandung dalam puisi melalui analisis setiap puisi. Tiga tema: manusia dengan manusia, manusia dengan Tuhan, dan manusia dengan alam adalah subjek kajian analisis aspek budaya puisi tersebut.

Hasil kajian telah membawa kepada Langkah untuk melaksanakan budaya perubahan pemikiran dalam kalangan pembaca agar ia mampu memberi saingan kepada dunia. Ia juga merupakan usaha beliau untuk menunjukkan kekaguman terhadap bangsa Barat yang sangat mengutamakan budaya ilmu. Kajian juga mendapati mesej yang baik tentang budaya kerja Jepun, yang jauh lebih baik daripada budaya di Barat dan patut dicontohi.

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa puisi Muhammad Haji Salleh menampilkan budaya beragama masyarakat sejagat sebelum dan selepas kedatangan agama Islam, dan ia mempunyai kaitan dengan nilai, amalan dan sejarah yang dikehendaki oleh agama Islam. Selain itu, kajian ini menunjukkan bahawa elemen alam mempunyai hubungan yang kuat dengan kehidupan bermasyarakat. Dalam puisinya, Muhammad Haji Salleh menekankan pentingnya menggalakkan

masyarakat untuk menjaga alam semula jadi untuk kebaikan bersama. Kajian budaya yang berkaitan dengan masyarakat bangsa adalah penting kerana ia menyimpan rahsia kejayaan yang boleh digunakan sebagai teladan kepada masyarakat lain.

Kajian ini bertujuan untuk menunjukkan dan menghuraikan definisi budaya daripada pelbagai disiplin ilmu, mengkaji budaya melalui tema yang terdapat dalam puisi Muhammad Haji Salleh, dan akhirnya, dengan menggunakan teori sastera budaya, menganalisis secara menyeluruh budaya yang terkandung dalam puisi Muhammad Haji Salleh. Diharapkan kajian ini, yang menggunakan teori sastera budaya, akan memberi inspirasi kepada pelajar universiti untuk meneliti karya sasterawan negara. Ini adalah untuk meningkatkan ketamadunan masyarakat.

Seterusnya, kajian daripada Nurul Syuhada Mohd Sharol (2024), Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis berkenaan kebolehan lagu-lagu rakyat Melayu yang terdapat di Malaysia dalam menjadikannya sebagai satu medium tarikan pelancongan. Pengkaji memilih untuk menjalankan kajian ini kerana kurangnya pengetahuan masyarakat di Malaysia berkenaan lagu-lagu rakyat yang terdapat di negara ini. Masyarakat juga belum pernah menggunakan alternatif lagu rakyat sebagai satu medium tarikan pelancongan ke negara ini kerana ketidak yakinan terhadap kebolehan lagu-lagu rakyat Melayu dalam menarik perhatian dan minat pelancong. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam tentang 26 lagu rakyat Malaysia. Kajian ini juga akan menganalisis nilai-nilai yang terkandung dalam lirik lagu-lagu ini untuk pelancongan, menggunakan teori Sastera Budaya Chris Baker, yang diolah oleh Mana Sikana. Selain itu, kajian ini menggunakan soal selidik untuk menilai sejauh mana lirik lagu memberikan tarikan kepada masyarakat dan pelawat. Pengkaji menggunakan kaedah pengumpulan data kuantitatif dan kualitatif, termasuk kaedah kepustakaan,

analisis dokumen, analisis teks dan soal selidik daripada 72 orang yang mengambil bahagian dalam kajian ini.

2.4.2 BUKU

Pengkaji telah mentelaah dan meneliti sebuah naskah hasil penulisan Mana Sikana yang bertajuk Teori Sastera Kontemporari. Naskah ini juga meliputi penggunaan teori Sastera Budaya yang telah diubah suai oleh Mana Sikana sendiri menjadikan ianya amat sesuai untuk digunakan oleh masyarakat Melayu di dalam dunia Kesusasteraan Melayu dan mengaplikasikan dalam karya penulisan. Teori Sastera Budaya atau dalam Bahasa Inggeris dipanggil cultural studies theory adalah merupakan sebuah teori yang menunjukkan hubungkait diantara teks, pengarang dan pembaca dengan dunia luar seperti politik, sosial, ekonomi, bahasa, agama dan lain-lain. Teori ini digunakan bertujuan untuk melihat hubungan sastera dengan dimensi budaya dalam membentuk kehidupan di dalam sesebuah masyarakat. Teori ini adalah membincangkan tentang definisi humanisme dan kehidupan manusia serta budaya yang sering berubah-ubah seiring dengan ledakan arus kemodenan dunia. Pembentukan Teori Sastera Budaya adalah apabila kemajuan bidang sastera pada tahun 1860-an yang telah memberi implikasi dalam pembentukan budaya baru yang maju. Teori ini mempunyai prinsip dan kaedah yang mesti digunakan dalam pengaplikasian terhadap sesebuah kajian. Secara umumnya, Teori Sastera Budaya adalah hamper sama dengan teori Pascamoden.

2.4.3 ARTIKEL JURNAL

Kajian daripada Abdul Halim Ali (2023) yang bertajuk sejarah perkembangan teori-teori sastera Malaysia. Kajian ini merupakan sebuah analisis kepustakaan bertujuan mendeskripsikan sejarah perkembangan dan teori-teori sastera Malaysia. Analisis dilakukan ke atas buku-buku teori yang ditulis oleh sarjana sastera Malaysia seperti Muhammad Hj Salleh, Mana Sikana, Mohd Affandi Hassan, Mohamad Mokhtar Hassan, Mohd Yusof Hassan, Sohaimi Abdul Aziz dan Abdul Halim Ali. Selain buku, analisis juga dilakukan ke atas majalah-majalah seminar dan artikel jurnal yang berkaitan. Hasil sorotan dan analisis yang dilakukan kajian ini menunjukkan sejumlah 13 buah teori atau gagasan teori pernah dikemukakan oleh sarjana sastera Malaysia. Teori-teori atau gagasan-gagasan teori ini dapat memberi petunjuk bahawa sastera Melayu telah memasuki dunia ilmu teori dan kritikan yang bersifat mandiri secara aktif dalam tahun-tahun 1990-an dan awal abad ke-21. Hasil analisis juga dapat menunjukkan bahawa sejarah perkembangan teori di Malaysia banyak dipengaruhi oleh empat faktor utama iaitu kelemahan teori sastera Barat, perkembangan Islam, kesedaran intelektual dan tuntutan kritikan berasaskan nilai-nilai tempatan khususnya nilai Melayu dan Islam.

Selain itu, kajian daripada Fadlillah (2011) dengan tajuknya *Kato* dalam pemikiran Minang: asas pembinaan teori sastera multikultural peribumi. Kajian ini adalah meneliti tentang pengaplikasian teori sastera budaya yang masih kurang di negara Indonesia. Oleh hal yang demikian, kajian ini adalah meneliti tentang pengaliksaan teori sastera budaya dalam penghasilan karya sastera. Tambahan pula, penelitian telah dirumuskan kepada kepentingan pengaplikasian teori sastera budaya ke dalam aspek kajian. Teori ini amat berperanan dalam menonjolkan aspek budaya dalam kehidupan masyarakat.

Selepas itu, penyelidikan Mana Sikana (2013) yang bertajuk "Perjalanan teori dan kritikan sastera Malaysia dalam era globalisasi." Tujuan kajian ini adalah untuk membincangkan perubahan dan kemajuan dalam teori sastera Melayu, terutamanya teori sastera budaya. Setiap genre sastera—puisi, cerpen, drama, novel, dan esei dan kritikan sastera—akan dibincangkan oleh pengkaji. Mereka akan mengkaji setiap aspek pertumbuhan dan perkembangan genre tersebut. Selain itu, kaedah kritikan dan apresiasi akan dibincangkan, supaya pembaca dapat memahaminya. Khalayak akan dapat menghasilkan kritikan terhadap teks yang mereka pilih dengan cara ini. Analisis ini menunjukkan cara menggunakan gabungan teori sastera dan teknik apresiasi untuk membincangkan pemikiran dan kepengarangan penulis sastera Melayu secara individu. Oleh itu, saya juga akan bercakap tentang isu-isu yang berkaitan dengan pelajar kolej dan universiti Malaysia yang mempunyai masalah dengan penulisan teks sastera serta kaedah dan pendekatan terkini untuk mengajar teori sastera.

Selain itu, penyelidikan Yusniza Yaakub (2023) melihat makna yang terkandung dalam beberapa lirik lagu Melayu Patani untuk menentukan bentuk pemikiran dan menganalisis makna perkataan dan gaya pemikiran yang terkandung dalam lirik. Teori sastera budaya telah digunakan dalam kajian ini untuk mengeluarkan pemikiran budaya daripada lirik lagu. Kaedah kepustakaan juga digunakan untuk menganalisis kajian ini.

Kajian Noriah Taslim (2014) juga membincangkan budaya dan sastera niaga dalam masyarakat nusantara pada abad transisi tradisional moden. Kajian ini melihat bagaimana budaya niaga dan bidang sastera berkaitan dalam kehidupan bermasyarakat. Teori sastera budaya dianggap sebagai metodologi untuk kajian ini. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan kualitatif.

Akhir sekali, penyelidikan yang dilakukan oleh Mohd Fahmi Bin Ismail pada tahun 2018 dengan tajuk "nilai budaya dalam cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar Gua Musang Kelantan." Kajian ini bertujuan untuk mengkaji dan menganalisis elemen budaya melalui cerita rakyat Gua Musang. Pengkaji kajian ini menggunakan teori sastera budaya untuk melihat nilai budaya yang diperoleh daripada cerita rakyat Gua Musang. Sebagai satu cara untuk mendapatkan data, kajian ini telah menggunakan temu bual.

2.4.4 LAIN-LAIN (AKHBAR)

Penglibatan bidang sastra dalam konteks budaya dibincangkan dalam kajian yang diterbitkan oleh Sinar Harian pada tahun 2022. Teori sastra budaya memasuki dan menganalisis teks budaya. Alan Sinfield juga menyatakan bahawa teori sastra budaya mengkaji segala-galanya yang dilakukan oleh manusia yang membentuk dan memasuki kekuatan budayanya. Sangat berkesan untuk memahami budaya sesebuah bangsa, kaum atau kumpulan masyarakat ialah sastra. Selain itu, sastra menggambarkan budaya bangsa. Sastra memberikan gambaran tentang budaya dari masa lalu, cerita tentang budaya yang sedang berlaku, dan gambaran tentang budaya yang akan datang. Secara amnya, teori sastra budaya dianggap sebagai teori konteks kerana ia melihat bagaimana sastra berkaitan dengan setiap aspek budaya. Objektif teori ini adalah untuk meningkatkan pemahaman kita tentang semua aspek kebudayaan dalam usaha untuk membentuk sivilisasi hidup.

2.5 KESIMPULAN

Secara konklusinya bab 2 terdapat banyak pandangan atau kajian-kajian lepas yang telah dilakukan ke atas cerpen, latar tempat dan teori sastera budaya. Menerusi penelitian pengkaji dalam mengenal pasti kajian lepas pengkaji telah membahagikan kepada 3 aspek iaitu cerpen, latar tempat dan teori sastera budaya. Penelitian mendalam terhadap kajian-kajian lepas telah banyak membantu pengkaji dalam meneliti rujukan-rujukan yang boleh digunakan dalam kajian ini. Bab 2 ini juga telah memberikan pengkaji tentang bagaimana teori sastera budaya diaplikasikan ke dalam kajian. Secara keseluruhannya, pengkaji telah berjaya meneliti 30 kajian lepas yang terdiri daripada tesis, artikel jurnal, buku dan lain-lain iaitu akhbar.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENGENALAN

Kajian yang akan dijalankan akan dibincangkan dan dijelaskan secara terperinci dalam bab ini. Bahagian metodologi kajian yang mengumpul semua data mengenai kajian yang dijalankan dijelaskan dan diterangkan dalam bab ini. Kajian ini menggunakan metodologi yang menyeluruh untuk menjalankan prosesnya. Pendekatan ini termasuk menggunakan teori yang digunakan sebagai asas utama kajian sehingga pengumpulan dan analisis data. Kamus Dewan Edisi Keempat (2015) mengatakan bahawa metodologi boleh ditakrifkan sebagai usaha yang menggabungkan prinsip disiplin yang menjelaskan elemen penting dalam cara kajian dan rujukan dijalankan. Bab 3 juga membincangkan metodologi dan pendekatan, termasuk pendekatan yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Di samping itu, bab ini akan membincangkan reka bentuk kajian kualitatif dan membincangkan dua kerangka: kerangka teori dan kerangka tekstual. Hal ini dilakukan untuk memastikan kajian dijalankan dengan cara yang lebih teratur dan sistematik. Bab metodologi kajian membincangkan reka bentuk kajian, kaedah, teori, kerangka teks dan penutup. Dalam kebanyakan kes, elemen metodologi kajian adalah komponen yang sangat penting untuk kejayaan kajian. Hal ini adalah untuk menjamin penyebaran kajian dengan lebih berkesan.

3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Untuk memperoleh dan menganalisis data dengan lebih cekap, reka bentuk kajian menunjukkan kerangka yang digunakan. Menurut Chua Yan Piaw (2014), dalam dunia penyelidikan, kaedah dan reka bentuk kajian berfungsi untuk mencapai hasil dan tujuan kajian. Reka bentuk kajian yang kukuh diperlukan untuk menjalankan kajian. Hal ini adalah penting untuk menjawab persoalan kajian dan menjadikan maklumat kajian berguna. Selain itu, ia berkaitan dengan cara penyelidik menjalankan kajian dan kaedah yang digunakan untuk menjawab persoalan kajian. Reka bentuk kajian bertujuan untuk mengawal faktor yang boleh menjejaskan keputusan kajian.

Dengan menggunakan reka bentuk kajian kualitatif, data telah diperoleh melalui penggunaan tulisan, teks, ujaran dan interaksi. Kajian kualitatif harus mempunyai data yang mencukupi untuk menjadi kebolehpercayaan dan sah. Hal ini adalah untuk memastikan pengkaji lain boleh menggunakan data kajian ini. Kerana kajian ini mempunyai bukti yang kukuh, data dalam bentuk tulisan atau teks boleh digunakan. Oleh itu, reka bentuk penyelidikan kualitatif telah digunakan oleh pengkaji untuk kajian ini. Hal Ini disebabkan oleh fakta bahawa reka bentuk ini bertujuan untuk mengenal pasti kajian itu sendiri, serta cara data diperoleh dan diolah. Tambahan pula, reka bentuk kualitatif ini tidak melibatkan jumlah, yang memudahkan pengkaji mencari bahan dan data secara lebih terperinci. Pengkaji juga menggunakan reka bentuk kualitatif yang menggabungkan kaedah kepustakaan dan merujuk teks. Tuntasnya, reka bentuk kajian ini membolehkan pengkaji mendapatkan banyak maklumat tentang kajian mereka, khususnya mengenai penelitian latar tempat sebagai alat untuk menggalakkan pelancongan melalui penggunaan Kumpulan cerpen *Cerita Kota Kami*. Menelusuri kajian yang mendalam dalam kaedah metodologi kajian dapat melihat objektif dan matlamat kajian yang disampaikan dengan

lebih berkesan. Kaedah metodologi yang menerusi pendekatan menyeluruh dalam karya teks sastera akan memastikan setiap maklumat yang disampaikan dalam kajian adalah sahih.

3.2.1 Dokumentasi

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, dokumentasi dapat didefinisikan sebagai kumpulan atau himpunan bahan dokumen yang mana ianya boleh diaplikasikan ke dalam sesuatu kajian dan penghasilan sesuatu kajian yang akan dijalankan. Kajian ini akan menggunakan bahan bertulis seperti teks yang terpilih iaitu kumpulan cerpen *Cerita Kota Kami* karya Jasni Matlani yang mempunyai kaitan dengan kajian serta pengaplikasian Teori Sastera Budaya yang membantu dalam menganalisis data yang diperoleh. Berdasarkan kajian metodologi yang dijalankan, pengkaji telah memperoleh data daripada analisis teks, buku, tesis dan akhbar. Bagi kajian ini, pengkaji menggunakan metodologi dokumentasi kerana pengkaji memperoleh data rujukan ilmiah daripada analisis teks dan teori yang terkandung dalam buku.

3.3 KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Kaedah kajian dilaksanakan dalam kajian ini adalah bagi menjelaskan skop kajian yang digunakan bagi memastikan kesempurnaan penyelidikan. Di samping itu, kajian ini mengandungi banyak subtopik dalam bahagian ini yang merangkumi kaedah kepustakaan, analisis teks dan kaedah internet yang mempunyai kaitan dengan tajuk penyelidikan iaitu penelitian latar tempat sebagai medium promosi pelancongan menerusi Kumpulan cerpen *Cerita Kota Kami*. Tambahan pula, pengaplikasian teori sastera budaya juga menjadi salah satu skop penting dalam metodologi kajian. Hal ini berlaku kerana ia boleh membantu pengkaji mendapatkan maklumat yang tepat dan sahih tentang tajuk penyelidikan. Dalam kes ini, pengkaji menggunakan reka bentuk kualitatif ini kerana mereka ingin melihat dan menganalisis tajuk penyelidikan, penelitian latar tempat sebagai strategi untuk menggalakkan pelancongan, melalui Kumpulan cerpen *Cerita Kota Kami*.

3.3.1 Kaedah Kepustakaan

Untuk mencapai matlamat kajian, kepustakaan adalah sumber penting. Dengan kata lain, kaedah kepustakaan terdiri daripada keputusan penyelidikan yang diperoleh melalui pembacaan bahan bercetak. Oleh itu, pengkaji telah pergi ke perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Bachok, untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian. Bahan rujukan yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian mereka termasuk buku ilmiah, artikel, dan tesis sarjana dan doktor falsafah. Rujukan daripada bahan ilmiah ini telah banyak membantu pengkaji dalam menjalankan kajian mereka. Tambahan pula, kemudahan teknologi yang disediakan oleh pihak pengurusan perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Bachok telah banyak memudahkan pengkaji dalam mencari bahan ilmiah dengan lebih cepat. Selain itu, kemudahan teknologi tersebut juga telah memudahkan pengkaji dalam memeriksa sekiranya bahan ilmiah yang ingin dicari masih ada ataupun sudah dipinjam oleh pelajar lain. Secara ringkasnya, kaedah kepustakaan amat membantu pengkaji dalam mencari bahan rujukan ilmiah dalam menyiapkan kajian dengan lebih sistematik dan lebih berilmiah.


Seterusnya, semua sumber rujukan yang diperoleh perlulah dikumpulkan dan dianalisis terlebih dahulu perlulah dianalisis dengan lebih mendalam agar data yang dikeluarkan mempunyai kaitan dengan tajuk kajian. Segala hasil data yang dikeluarkan perlulah dimasukkan ke dalam kajian dengan teliti agar maklumat data tersebut dapat disampaikan dengan baik. Data yang diperoleh tersebut perlulah menggunakan ayat yang disusun rapi agar penyampaian maklumat adalah berkesan. Sumber rujukan yang diperoleh menerusi kaedah kepustakaan perlulah diteliti dengan baik kerana ianya menjadi aspek penting dalam menjawab segala persoalan dengan baik. Di samping itu, segala rujukan yang meliputi artikel jurnal, tesis, buku dan akhbar perlulah dicatat dalam senarai rujukan. Perkara ini amat dititikberatkan dalam penulisan kajian ini kerana ianya

adalah bagi memenuhi tatacara dan prinsip penulisan yang telah ditetapkan. Hal ini demikian kerana, setiap sumber rujukan yang digunakan adalah merujuk kepada kajian yang berkualiti yang akan dilihat oleh pengkaji lain. Oleh hal yang demikian, kaedah pencarian maklumat dari perpustakaan telah digunakan dalam kajian ini.

3.3.2 Kaedah Analisis Tekstual

Kaedah analisis tekstual amat penting kepada pengkaji dalam menyiapkan dan melaksanakan kajian ini. Menerusi kajian ini, pengkaji akan mengkaji sepenuhnya kumpulan cerpen *Cerita Kota Kami* memandangkan kumpulan cerpen tersebut telah menjadi karya teks utama kepada pengkaji dalam melaksanakan kajian ini. Selain itu, pengkaji juga dapat mengenal pasti tajuk-tajuk kajian yang telah dilaksanakan agar tajuk kajian tidak sama. Analisis tekstual adalah dilakukan melalui pembacaan teks dengan teliti dan mendalam. Hal ini dikatakan demikian kerana untuk mengetahui dan mendalami isi kandungan cerita dalam karya cerpen tersebut yang menjadi aspek utama dalam kajian ini. Sehubungan dengan itu, pengkaji telah membuat kaedah analisis tekstual dengan mendalam menerusi Kumpulan cerpen *Cerita Kota Kami* karya Jasni Matlani. Berdasarkan Kumpulan cerpen *Cerita Kota Kami* pengkaji mengenal pasti bahawa karya cerpen ini amat sesuai dengan pengaplikasian Teori Sastera Budaya.

Karya cerpen *Cerita Kota Kami* hasil penulisan Jasni Matlani yang mempunyai 19 buah cerpen. Namun, pengkaji hanya menganalisis 8 buah cerpen bagi melaksanakan kajian ini. Cerpen ini dilihat unik kerana gaya pertuturan yang dipenuhi dengan bahasa yang indah. Tema yang disampaikan menerusi karya ini juga adalah bersifat mudah difahami. Kumpulan cerpen ini mengisahkan tentang cerita sebuah kota yang ada di negeri Sabah yang mempunyai pelbagai cerita dan kisahnya yang tersendiri. Cerpen ini memberi fokus kepada daerah Beaufort yang ingin menceritakan semula kisahnya yang telah dilupakan oleh masyarakat. Kota tersebut yang berlokasi di tanah rendah dan dipisahkan oleh sebatang sungai mempunyai banyak kisah dan peristiwa namun hanya menunggu seseorang individu untuk menceritakan semula peristiwa tersebut kepada masyarakat. Hal ini adalah bagi memperkenalkan Kota tersebut kepada masyarakat luar dengan menceritakan peristiwa Kota tersebut. Hal ini juga amat berkait rapat dengan sektor pelancongan. Kajian ini akan mengungkapkan kisah dan peristiwa tersembunyi di daerah Beaufort kepada khalayak umum. Hal ini sekaligus akan mempromosikan daerah Beaufort kepada khalayak umum.



(Rajah 3.1 : Kumpulan Cerpen *Cerita Kota Kami*)

3.3.3 Artikel Jurnal

Pengkaji juga telah menggunakan kaedah internet dalam melaksanakan kajian ini. Pengkaji telah menelusuri dengan lebih mendalam dengan menggunakan kemudahan internet bagi mencari dan mendapatkan bahan tambahan bagi melaksanakan kajian ini dengan lebih berkesan. Pengkaji menggunakan kemudahan internet bagi mencari artikel jurnal, tesis, akhbar atau majalah yang mempunyai kaitan dengan tajuk kajian bagi mendapatkan maklumat tambahan sebagai bahan rujukan kepada kajian ini. Di samping itu, menggunakan kemudahan internet adalah amat memudahkan pengkaji dalam mencari bahan rujukan sebagai satu langkah dalam menyiapkan analisis dalam kajian ini. Menerusi pencarian rujukan tesis, artikel jurnal dan akhbar dalam internet telah banyak memberi banyak maklumat tambahan kepada pengkaji sekaligus ianya telah banyak membantu pengkaji menyiapkan kajian ini. Justeru itu, pencarian maklumat menerusi internet juga amat berperanan dalam membantu melaksanakan kajian ini.

3.3.4 Analisis Tematik

Analisis tematik dapat ditakrifkan sebagai analisis dalam penyelidikan kualitatif yang digunakan untuk menganalisis, mengenal pasti, dan melaporkan data yang telah diperolehi. Proses dalam melaksanakan kaedah tematik ialah bermula dengan pengkaji membiasakan diri dengan data dan maklumat yang diperolehi. Hal ini adalah menerusi pembacaan yang mendalam dan berulang. Selepas itu, data disusun ke dalam kategori yang lebih kecil untuk memudahkan proses memahami data dengan melalui proses pengkategorian. Rentetan daripada itu, pengkaji dapat menyusun data maklumat dengan lebih sistematik. Menerusi analisis tematik, pengkaji dapat melakukan tafsiran makna dan konsep dengan lebih dan mengaplikasikan ke dalam penulisan laporan. Data yang diperolehi akan dianalisis dan diterjemahkan ke dalam bentuk laporan penuh.

3.4 KAEDAH PENERAPAN TEORI

Pengkaji telah menggunakan pengaplikasian Teori Sastera Budaya dalam melaksanakan kajian ini. Teori sastera budaya telah menjadi teori yang diaplikasikan dalam penelitian kajian ini. Menelusuri penelitian latar tempat sebagai medium promosi pelancongan menerusi kumpulan cepren *Cerita Kota Kami* karya Jasni Matlani dapat dilihat amat bersesuaian dengan teori sastera budaya. Teori sastera budaya dapat dilihat mengalami perkembangan selepas munculnya teori historisisme baru. Teori sastera budaya dapat ditakrifkan sebagai usaha pembaca untuk melihat hubungan antara teks, pengarang dan pembaca dengan mengambil kira aspek politik, sosial, ekonomi, bahasa, agama dan kesenian hasil refleksi terhadap pembasaan sesebuah karya sastera.

Teori sastera budaya menganalisis secara analitikal dan terperinci serta masuk ke dalam budaya teks untuk memperlihatkan konsep politik dan kekuasaan. Menurut Alan Sinfield (1992), teori sastera budaya mengkaji segala tindakan manusia memasuki dan membentuk masyarakatnya. Teori sastera budaya secara tidak langsung membicarakan konsep humanisme. Dalam konteks ini, perubahan-perubahan selalu diiringi oleh irama zamannya atau dia sendiri yang mencipta irama perubahan itu. Menurut, Chow Rey (1993), pascamoden ialah suatu zaman perubahan budaya dan inilah yang dihadapi oleh teori budaya.

Teori sastera budaya telah bermula sebagai sebahagian daripada saudara kembar kepada historisisme baru dan kemudiannya membina dirinya sendiri sebagai sebuah teori. Teori sastera budaya berasal daripada pemikiran sastera dan metod kritikan yang digunakan oleh Richard Hoggart dan Raymond Williams yang kedua-duanya berakar daripada tradisi kritikan Marxisme British. Bidang sastera telah menyaksikan teori sastera budaya sebagai teori. Teori Sastera Budaya merupakan gagasan Chris Baker (2000) yang telah diolah oleh Abdul Rahman Hanafiah yang merupakan seorang Sasterawan negeri Perak yang ketiga atau lebih dikenali sebagai Mana Sikana.


Teori ini mempunyai pengaruh daripada teori pascamoden dan teori feminisme. Teori Sastera Budaya yang telah diolah oleh Mana Sikana mengandungi lima kaedah analisis teks iaitu :

1. Mengkaji bagaimana wacana budaya beroperasi dalam mengungguli ideologi kekuasaannya.
2. Mengkaji individu dalam pembentukan individualiti dalam gerakan budayanya yang dihubungkan dengan pembentukan sosial yang mengarah kepada konsep kehebatannya.
3. Meneliti pergolakan pembudayaan terutamanya di dalam aspek pendidikan, ekonomi, sosial dan sebagainya.
4. Meneliti kekayaan, pelestarian dan petanda artifak.
5. Menganalisis realiti struktur ideologi budaya pascamoden dan pascakolonial termasuklah konsep hibridisme.

3.4.1 Kaedah Analisis

Berdasarkan penerangan dan penjelasan yang telah dilakukan oleh pengkaji berkaitan Teori Sastera Budaya dapat disimpulkan bahawa teori ini amat menekankan kepada fungsi karya dan hubungannya dengan khalayak pembaca dalam menjalankan kajian ini pengkaji memilih untuk menggunakan kaedah pertama iaitu mengkaji bagaimana wacana budaya beroperasi dalam mengungguli ideologi kekuasaannya iaitu menganalisis budaya yang wujud dalam kalangan masyarakat Beaufort bagi meningkatkan sektor pelancongan. Seterusnya, pengkaji telah menggunakan kaedah ketiga iaitu meneliti pergolakan pembudayaan terutamanya di dalam aspek pendidikan, ekonomi, sosial dan sebagainya. Pengkaji telah mengenal pasti budaya masyarakat Beaufort bagi meningkatkan sektor pelancongan sekaligus meningkatkan sumber ekonomi. Selain itu, pengkaji juga telah menggunakan kaedah meneliti kekayaan, pelestarian dan petanda artifak.

3.4.2 Kerangka Konseptual



3.5 KESIMPULAN

Tuntasnya, bab 3 ini adalah memberi penekanan yang amat jelas kepada segala aspek yang berkaitan dengan kaedah kajian yang telah dilaksanakan. Hal ini dikatakan demikian kerana, segala maklumat yang disampaikan dalam kajian ini adalah dilihat menerusi Langkah dan kaedah data tersebut diperolehi. Kualiti penyampaian data dalam kajian ini adalah berdasarkan seberapa banyak sumber rujukan yang diperolehi bagi memperbanyakkan penulisan ilmiah yang berkualiti dalam kajian ini. Segala data yang diketengahkan dalam kajian ini adalah menerusi sumber rujukan yang telah diperolehi daripada pelbagai platform. Oleh hal yang demikian, kaedah metodologi ini adalah selaras dengan cara data diperolehi dengan efektif dan berkesan berdasarkan tajuk kajian penelitian latar tempat sebagai alat promosi pelancongan menerusi Kumpulan cerpen *Cerita Kota Kami*. Oleh hal yang demikian jelaslah bahawasanya, metodologi kajian amat memberikan impak positif kepada penghasilan kajian yang berkualiti tinggi dan semua data maklumat yang dikemukakan adalah sahih, tepat dan jelas.

BAB 4

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 PENGENALAN

Secara lazimnya, konsep analisis data adalah proses untuk memeriksa, mengubah dan membersihkan data menjadi satu informasi yang berguna. Data yang diperoleh dan dikembangkan adalah dengan tujuan bagi proses untuk pemindahan data untuk menjadi pengetahuan yang dapat disebarkan kepada masyarakat. Analisis dan dapatan kajian yang terkandung di dalam bab 4 adalah merupakan bahagian yang paling penting di dalam penyelidikan ini. Bab 4 mempunyai peranan yang paling besar di dalam sesebuah kajian. Hal ini demikian kerana, setiap analisis yang berkaitan dengan kajian adalah merangkumi dapatan yang pengkaji perolehi sepanjang menjalankan kajian penyelidikan ini yang mana ianya akan diaplikasikan di dalam bab 4 ini. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, analisis dapat diertikan sebagai satu penyelidikan terhadap suatu peristiwa bagi mengetahui keadaan sekeliling.

Analisis dan dapatan kajian adalah secara lazimnya merupakan analisis hasil dapatan kajian yang pengkaji perolehi sepanjang menjalankan kajian. Segala hasil dapatan kajian yang pengkaji perolehi adalah berdasarkan kaedah metodologi yang pengkaji aplikasikan sepanjang menjalankan kajian ini. Robert J. Schreiter (1991) pula mengatakan analisis data adalah berdasarkan pembacaan teks yang meliputi interaksi dan mesej yang ingin disampaikan. Menurut Komarudin (2001) pula analisis data adalah merupakan aktiviti berfikir untuk menghuraikan data keseluruhan menjadi komponen kecil bagi memudahkan data tersebut untuk dihuraikan. Data yang diperoleh akan dihuraikan bagi menghasilkan kajian penyelidikan yang lengkap.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, analisis dapat ditakrifkan sebagai penghuraian atau penyelidikan seperti persoalan, keadaan atau masalah bagi mengetahui pelbagai aspek secara mendalam atau terperinci. Hal ini adalah memerlukan pengkaji untuk menggubal atau menghuraikan data yang diperoleh secara terperinci. Menurut Lewis (2024), analisis dapat ditakrifkan sebagai proses penting yang membantu masyarakat memahami maklumat atau hasil dapatan kajian dengan mendalam. Menerusi analisis, pengkaji berupaya untuk menghuraikan data, mengembangkan fakta dan membuat kesimpulan dalam usaha menghasilkan kajian penyelidikan. Menggunakan dapatan kajian yang diperoleh, pengkaji mampu menghuraikan data tersebut kepada komponen kecil bagi menghuraikan dan mengembangkan data yang diperoleh. Menurut Debora Danisa (2022), analisis data dapat diertikan sebagai suatu kegiatan untuk menyelidik dan memeriksa peristiwa melalui data yang diperoleh. Analisis kebiasaannya dilakukan menerusi konteks penelitian ataupun olahan data.

Kajian ini tertumpu kepada beberapa aspek penting untuk memastikan penyelidikan yang dijalankan lebih fokus dan mendalam. Skop penyelidikan adalah merangkumi analisis menerusi beberapa kumpulan cerpen *Cerita Kota Kami* karya Jasni Matlani. Cerpen yang terkandung dalam buku kumpulan cerpen tersebut dipilih secara efektif yang bersesuaian dengan tajuk kajian iaitu latar tempat sebagai sektor pelancongan. Kumpulan cerpen yang dipilih adalah bagi memenuhi kehendak kajian yang mempunyai kaitan dengan sektor pelancongan. Seterusnya, bab empat ini akan mengemukakan hasil dapatan kajian yang akan dibincang dan dihuraikan merangkumi tiga objektif kajian yang pengkaji telah kemukakan di dalam bab satu iaitu :

1. Menganalisis latar tempat yang menjadi aspek penting dalam sektor pelancongan menerusi kajian ini.
2. Menghuraikan keunikan dan keindahan daerah Beaufort kepada khalayak umum.
3. Mengkaji budaya masyarakat di daerah Beaufort.

Selain itu, kajian ini juga menganalisis hubungkait diantara latar tempat dengan sektor pelancongan. Hubungkait ini adalah dilihat berdasarkan kumpulan cerpen *Cerita Kota Kami*. Fokus utama kajian ini adalah ingin menelusuri budaya dan keunikan daerah Beaufort bagi memperkenalkan dan meningkatkan sektor pelancongan daerah tersebut agar selaras dengan daerah lain. Skop kajian ini membuktikan peranan cerpen dalam usaha memperkenalkan keunikan tempat. Kumpulan cerpen *Cerita Kota Kami* mempunyai 19 buah cerpen secara keseluruhan namun pengkaji telah membataskan kepada 8 buah cerpen sahaja dalam melaksanakan kajian ini. Kajian ini telah menggunakan reka bentuk kajian kualitatif yang mana ianya merupakan data yang diperoleh adalah melalui penggunaan teks, tulisan, ujaran dan interaksi.

Kajian yang berbentuk kualitatif seharusnya mempunyai data yang mencukupi agar kebolehpercayaan dan kesahihannya adalah tinggi. Hal ini adalah bagi memastikan segala data maklumat dalam kajian ini adalah boleh diguna pakai oleh pengkaji lain. Data menerusi teks ataupun tulisan boleh digunakan kerana terdapat bukti yang kukuh dalam kajian ini. Oleh hal yang demikian, dalam kajian ini pengkaji telah menggunakan reka bentuk penyelidikan kualitatif. Hal ini demikian kerana reka bentuk ini merupakan kaedah yang bertujuan untuk mengenalpasti sesuatu kajian dan cara data diperoleh dan diolah.

4.2 LATAR TEMPAT DALAM KUMPULAN CERPEN *CERITA KOTA KAMI*

Kajian ini akan menggunakan 8 buah cerpen daripada 19 buah cerpen secara keseluruhan yang mana 8 buah cerpen tersebut dilihat amat sesuai untuk dikaji. Menerusi tajuk kajian 8 buah cerpen tersebut akan mencapai objektif yang pengkaji telah tetapkan. 8 buah cerpen tersebut dilihat amat sesuai dalam tujuan mempromosikan lokasi kajian menjadi sebuah sektor pelancongan yang berkembang pesat. Sebagai tamsilnya, terdapat beberapa buah cerpen yang menceritakan kisah yang menarik dan unik yang telah menampilkan beberapa lokasi yang dilihat amat unik dan bermanfaat kepada penduduknya. Tambahan pula, latar tempat yang terkandung dalam kumpulan cerpen *Cerita Kota Kami* sudah pasti akan menjadi satu inisiatif untuk membangunkan kawasan tersebut menjadi sebuah kawasan yang maju dan berkembang secara pesat.

Bagi menjalankan kajian ini dan mencapai objektif yang dipilih, pengkaji telah meneliti banyak latar tempat yang terkandung dalam kumpulan cerpen *Cerita Kota Kami* yang dapat diteliti bagi mencapai objektif kajian sekaligus membawa perkembangan dan kemajuan kepada daerah Beaufort. Pengkaji dapat merumuskan bahawa latar tempat yang dikenal pasti ini merupakan latar tempat yang menarik untuk diterokai. Latar tempat yang dikenal pasti ini seharusnya dijaga bagi mencapai perkembangan dan kemajuan. Hal ini sekaligus akan membawa kepada pertumbuhan ekonomi kepada daerah Beaufort. Latar tempat yang telah wujud perlulah dijaga bagi membawa perubahan kepada tempat tersebut untuk dikembangkan sehingga ianya menjadi pusat pelancongan. Selain itu, latar tempat yang wujud ini dilihat sebagai satu langkah dalam membawa lambang dan imej kepada daerah Beaufort yang mampu menarik perhatian pelancong luar untuk datang berkunjung ke daerah Beaufort. Namun begitu, walaupun daerah Beaufort dilihat sebagai sebuah daerah yang indah dan menarik, pengkaji hanya dapat mengenal pasti 8 buah cerpen yang mempunyai latar tempat yang wujud di daerah Beaufort yang dapat dikaji.

NO.	LATAR TEMPAT	KUMPULAN CERPEN
1.	Pantai Sindumin	Masjid Kampung Kami
2.	Teluk Kimanis	Masjid Kampung Kami
3.	Stesen Kereta Api	Masjid Kampung Kami
4.	Daerah Weston	Masjid Kampung Kami
5.	Masjid	Masjid Kampung Kami
6.	Kota Batu	Cerita Kota Kami
7.	Stesen Kereta Api	Cerita Kota Kami
8.	Bandar Getah	Cerita Kota Kami
9.	Hotel Lee Garden Plaza	Kupu-Kupu Di Dalam Taman
10.	Kota Jalang	Di Sini, Di Kota Ini dan Sekarang
11.	Stesen Kereta Api	Di Sini, Di Kota Ini dan Sekarang
12.	Gunung	Bimbo
13.	Stadium	Jibran
14.	Muzium	Muzium Di Dalam Taman
15.	Taman	Muzium Di Dalam Taman
16.	Lapangan Terbang Antarabangsa Terminal 2 Kota Kinabalu	Mengingati Thia

(Jadual 4.1 : Senarai Latar Tempat Mengikut Kumpulan Cerpen *Cerita Kota Kami*)

NO.	TAJUK CERPEN	HALAMAN
1.	Masjid Kampung Kami	13
2.	Cerita Kota Kami	55
3.	Kupu-Kupu Di Dalam Taman	65
4.	Di Sini, Di Kota Ini dan Sekarang	99
5.	Bimbo	119
6.	Jibran	129
7.	Muzium Di Dalam Taman	171
8.	Mengingati Thia	189

(Jadual 4.2 : Senarai Cerpen dalam Buku *Cerita Kota Kami*)

4.2.1 Cerpen Masjid Kampung Kami

Kumpulan cerpen *Masjid Kampung Kami* menceritakan tentang sebuah masjid yang telah wujud sejak sekian lamanya di dalam kampung tersebut yang asalnya dikelilingi hutan belantara. Masjid tersebut dikatakan mempunyai kisah sejarah yang wujud sejak sekian lamanya. Menurut Ustaz Abdul Hakim, yang merupakan anak jati tempatan kampung Beaufort masjid itu sudah wujud sebelum pemerintahan British. Namun begitu, sumber mengatakan tidak ada sesiapa yang mengetahui dengan tepat tarikh penubuhan masjid itu mahupun individu yang membinanya. Menurut kisah daripada penduduk kampung, Masjid tersebut diwakafkan oleh seorang sheikh yang berasal daripada Hadramaut. Apabila Inggeris datang menjajah wilayah utara Pulau Borneo dan membuka ladang getah, mereka juga turut membuka sebuah stesen kereta api.

Landasan kereta api tersebut menghala ke sebuah daerah pinggir laut berdekatan masjid tersebut yang tidak diketahui namanya sehingga kini. Inggeris yang membuka ladang getah di kampung tersebut kerana tanah di kawasan tersebut amat sesuai untuk menanam getah *Hevea brasiliensis*. Menurut kisah dari penduduk kampung di situ, pokok getah itu telah dibawa khas dari Brazil. Pokok itu dikatakan boleh menghasilkan lateks yang bermutu dan mampu memenuhi keperluan ledakan industri permotoran di barat. Walhal, industri pembinaan kapal terbang juga memerlukan getah bagi tayar. Oleh hal yang demikian, getah yang digunakan oleh sebahagian industri di Eropah adalah hasil daripada tanaman getah di kampung Beaufort. Justeru itu, Inggeris telah membina landasan kereta api yang terawal di wilayah utara Pulau Borneo dari tanah permata nilam ke satu daerah yang dipanggil Weston bagi mengangkat hasil getah tersebut.

Menurut Tok Aki, kebanyakan penduduk kampung menggunakan Masjid itu sebagai tempat persembunyian kerana masjid itu dikatakan selamat. Penduduk kampung telah membina tempat persembunyian rahsia di kawasan berhampiran masjid itu.

4.2.1.1 Pantai Sindumin

Sindumin merupakan sebuah kawasan pilihan raya di Sabah Malaysia yang diwakili di Dewan Undangan Negeri Sabah. Pantai Sindumin terletak di kawasan pesisir pantai barat Sabah yang berhampiran dengan daerah Beaufort yang juga berdekatan dengan sempadan negeri Sarawak. Pantai ini merupakan sebahagian daripada pantai barat Sabah yang mempunyai suasana tenang pemandangan laut yang sederhana dan menjadi salah satu kegiatan nelayan. Kawasan pantai ini dijadikan sebagai kegiatan memancing oleh para nelayan untuk mendapatkan hasil laut. Pantai Sindumin berupaya menawarkan pengalaman yang lebih semula jadi ekoran daripada kawasan pantai yang kurang dibangunkan. Walaupun pantai Sindumin ini kaya dengan alam semula jadi, terdapat beberapa isu yang sering dibangkitkan oleh masyarakat di situ.

Isu yang sering dibangkitkan oleh masyarakat di situ antaranya ialah keadaan jalan raya menuju ke pantai Sindumin yang rosak dan ianya menjadi isu keselamatan kepada pengunjung. Pihak berkuasa dicadangkan untuk membaiki infrastruktur kawasan tersebut menjadi sebuah pusat pelancongan yang menarik. Hal ini akan menarik lebih ramai pengunjung untuk datang berkunjung ke pantai Sindumin. Kemajuan dan perkembangan pantai Sindumin akan membawa kepada pertumbuhan ekonomi di daerah Beaufort. Pantai Sindumin dahulunya dikenali sebagai Mengalong pada tahun 1960-an. Penduduknya bergantung hidup dengan perusahaan pertanian padi, laut dan nelayan. Kawasan ini juga merupakan kawasan yang terdedah dengan bencana banjir. Terdapat sebuah kisah yang menceritakan bahawa Sultan Abdul Mumin yang telah menjual tanah pinggir laut yang mengunjur dari pesisiran pantai Sindumin. Namun begitu, Pantai Sindumin kini kembali beroperasi sebagai salah satu pantai yang mempunyai pemandangan semula jadi. Namun begitu, pihak berkuasa perlulah memajukan kawasan Pantai Sindumin untuk menjadi sebuah pusat pelancongan yang maju dan pesat.

Berdasarkan kisah dalam kumpulan cerpen *Masjid Kampung Kami*. Sultan Abdul Mumin telah menjual tanah pinggir laut di kawasan Pantai Sindumin dengan harga yang murah melalui perjanjian dengan penjajah Inggeris sepertimana perikan cerpen di bawah :

“Entah mengapa sultan tergamak menjual tanah pinggir laut yang mengunjur dari pesisiran Pantai Sindumin hingga ke Teluk Kimanis dengan harga yang murah melalui satu perjanjian dibuat penjajah Inggeris dan ditandatangani Sultan Abdul Mumin yang berkuasa ketika itu bagi memindahkan hak milik atas wilayah utara Pulau Borneo dari Teluk Gaya hingga ke Sungai Sibuko dengan bayaran 15,000 pound sebagai pampasan sebagai Sultan.”

(*Cerpen Masjid Kampung Kami* : hlm. 14-15)

4.2.1.2 Teluk Kimanis

Teluk Kimanis merupakan sebuah teluk di pantai barat kepulauan Borneo. Teluk Kimanis merupakan sebahagian daripada negeri Sabah di Malaysia dan bersambung dengan Laut China Selatan. Melihat aspek pentadbiran ianya tergolong dalam Daerah Papar di bahagian Pantai Barat. Nama teluk Kimanis ini adalah berasal daripada penempatan Kimanis. Nama Teluk Kimanis boleh ditemui pada peta Borneo Utara British sejak tahun 1899 yang telah diterbitkan oleh Syarikat Berpiagam Borneo Utara. Salah satu industri yang terletak di Teluk Kimanis ialah Terminal Minyak dan Gas Sabah (SOGT) yang berperanan sebagai stesen penerimaan, penyimpanan dan eksport minyak dan gas asli dari luar pesisir Sabah. Teluk Kimanis berasal daripada perkataan “teluk” yang membawa makna teluk dan “Kimanis” yang dapat diertikan sebagai kemanisan atau membawa kepada sejenis pokok yang terdapat di kawasan itu.

Melihat dari segi pentadbiran, kawasan Teluk Kimanis ini meliputi beberapa pekan, mukim termasuklah Pekan Kimanis, Membakut dan Bongawan. Teluk Kimanis ini mempunyai sumber ekonomi yang amat berkepentingan yang merangkumi pertanian dan industri perikanan. Teluk Kimanis ini mempunyai beberapa tarikan pelancongan seperti pantai, hutan bakau dan pulau yang indah. Teluk Kimanis sebelum kedatangan kuasa-kuasa besar adalah merupakan sebuah perkampungan yang terletak di bahagian pantai Barat Sabah. Menurut sejarah lisan iaitu cerita orang tua dahulu, Kimanis diberi nama disebabkan oleh terdapat banyak sumber kayu manis yang tumbuh di kawasan itu. Selain itu, terdapat juga kisah di mana Teluk Kimanis diberi nama disebabkan oleh kawasan tersebut mempunyai banyak tanaman limau manis.

Berdasarkan kisah dalam kumpulan cerpen *Masjid Kampung Kami* menerusi kumpulan cerpen *Cerita Kota Kami*, Sultan Abdul Mumin telah menjual tanah pinggir laut di kawasan Teluk Kimanis dengan harga yang murah melalui perjanjian dengan penjajah Inggeris sepertimana perikan cerpen di bawah :

“Entah mengapa sultan tergamak menjual tanah pinggir laut yang mengunjur dari pesisiran Pantai Sindumin hingga ke Teluk Kimanis dengan harga yang murah melalui satu perjanjian dibuat penjajah Inggeris dan ditandatangani Sultan Abdul Mumin yang berkuasa ketika itu bagi memindahkan hak milik atas wilayah utara Pulau Borneo dari Teluk Gaya hingga ke Sungai Sibuko dengan bayaran 15,000 pound sebagai pampasan sebagai Sultan.”

(*Cerpen Masjid Kampung Kami* : hlm. 14-15)



(Rajah 4.1 : Teluk Kimanis)

4.2.1.3 Stesen Kereta Api

Stesen Kereta Api Beaufort adalah merupakan salah satu stesen kereta api yang berkedudukan di kawasan Stesen Minyak Beaufort Sabah, Malaysia. Meskipun, namanya stesen kereta api namun kawasan ini juga amat terkenal dengan kehadiran beberapa stesen minyak yang telah menjadi tumpuan pengguna jalan raya. Sejarah penubuhan perkhidmatan kereta api di negeri Sabah adalah bermula sejak zaman British North Borneo Chartered Company (BNBCC). Penubuhan perkhidmatan kereta api telah dicadangkan oleh Pengerusi dan Pengarah Urusan BNBCC iaitu William Clarke Cowie. Pada tahun 1896, pembinaan landasan kereta api dari Beaufort ke daerah Weston telah bermula yang mana ianya diketuai oleh Arthur J. West seorang Jurutera Awam Inggeris. Landasan kereta api yang pertama telah bermula daripada Bukau ke Weston dengan panjang laluan 37 km dan seterusnya dari Beaufort ke Melalap dengan panjang laluan 65 km.

Pembinaan landasan kereta api ini telah didorong oleh perkembangan dan kemajuan permintaan barangan getah asli dan tembakau yang terdapat di daerah Tenom manakala daerah Weston pula dijadikan sebagai pelabuhan untuk mengeksport barangan keluaran dari daerah Tenom dan Beaufort. Rangkaian landasan kereta api dengan panjang laluan 193 km telah disiapkan semasa zaman British North Borneo Chartered Company. Pembinaan landasan kereta api ini dibina adalah bagi menghubungkan bahagian timur dan barat di sebelah Utara Borneo dan juga bagi membangunkan industri tembakau dan getah yang terdapat di daerah Tenom manakala Weston dijadikan sebagai pelabuhan bagi mengeksport barangan keluaran dari daerah Beaufort dan Tenom sepertimana petikan cerpen di bawah :

“Oleh itu, bagi mengangkat sumber getah ke kawasan laut yang terdekat, Inggeris membina landasan kereta api terawal di wilayah utara Pulau Borneo dari tanah permata nilam kami ke satu kawasan yang dipanggil Weston.”

(*Cerpen Masjid Kampung Kami* : hlm. 16)

Pembinaan landasan kereta api tersebut sememangnya memainkan peranan penting dalam memajukan sektor pelancongan di daerah Beaufort ekoran daripada peranan kereta api tersebut yang digunakan bagi mengeksport hasil tanaman getah dan tembakau.



(Rajah 4.2 : Stesen Kereta Api)

4.2.1.4 Daerah Weston

Daerah Weston adalah merupakan sebuah pekan yang terletak di pesisir pantai barat Sabah, Malaysia di kawasan pedalaman di dalam daerah Beaufort dengan jarak sejauh 100 km ke selatan Kota Kinabalu. Daerah Weston merupakan salah satu pekan yang terletak di sepanjang Lebuhraya Pan Borneo. Nama Weston berasal dari “Sugin Lawas” bersempena dengan kedudukannya yang terletak di kawasan Teluk Brunei. Namun demikian, namanya telah ditukar kepada “West Town” yang diambil sempena nama seorang pegawai British A.J. West yang membuat perancangan untuk membina landasan kereta api dari Beaufort ke Weston. Masyarakat Brunei iaitu suku kaum pecan tersebut sering menyebut perkataan “West Town” sebagai “Weston” yang telah mengubah nama daerah tersebut kepada “Weston” sehingga kini.

A.J. West juga pernah memberi cadangan untuk menjadikan Pekan Weston sebagai Ibu Negeri North Borneo melihat kepada kedudukannya yang dekat dengan Pulau Labuan dan laluan produk pertanian iaitu perusahaan getah keluar ke Singapura atau Malaya sepertimana petikan di bawah:

“Menurut ceritanya, kata Abdul Hakim Daerah Weston akhirnya menjadi salah sebuah pelabuhan yang terpenting di Wilayah Borneo Utara bagi mengangkut hasil getah dari bumi

permata nilam kami dan diseludup ke tanah Inggeris.”

(Cerpun *Masjid Kampung Kami*, hlm. 16)

Seterusnya, kedudukan pelabuhan daerah Weston yang strategik iaitu berada di Teluk Brunei, terlindung daripada tiupan angin ribut dan amat sesuai dari aspek keselamatan dan mudah diawasi daripada serangan lanun menyebabkan munculnya cadangan untuk menjadikan Pekan Weston sebagai Ibu Negeri North Borneo pada ketika itu. Namun demikian, cadangan tersebut terpaksa ditolak ekoran daripada kawasan perairan Teluk Brunei yang berkedudukan di Pekan Weston cetek dan tidak sesuai untuk menampung keperluan kapal besar yang akan membawa produk getah.

Semasa Perang Dunia Kedua Pekan Weston telah menjadi tempat pertama kapal-kapal Tentera Jepun dari Kepulauan Labuan telah mendarat di Tanah Besar North Borneo. Berdasarkan data yang dijumpai, pada tahun 2010 jumlah penduduk di Daerah Weston telah mencatat seramai 344 orang. Abdul Halim mengatakan bahawa daerah Weston telah menjadi salah sebuah pelabuhan yang berperanan penting di Wilayah Borneo Utara.



(Rajah 4.3 : Daerah Weston)



(Rajah 4.4 : Peta Daerah Weston)

4.2.1.5 Masjid

Kumpulan cerpen "Masjid Kampung Kami" menceritakan tentang sebuah masjid yang telah wujud sejak sekian lama di dalam kampung yang pada mulanya dikelilingi oleh hutan. Masjid itu dikatakan wujud sejak sekian lama. Menurut Ustaz Abdul Hakim, penduduk asal kampung Beaufort, masjid itu wujud sebelum kedatangan British. Walau bagaimanapun, sumber menyatakan bahawa tidak ada sesiapa yang tahu dengan tepat tarikh masjid itu dibina atau siapa yang membinanya. Penduduk kawasan mengatakan bahawa seorang sheikh Hadramaut telah memberikan wakaf kepada Masjid. Masjid tersebut dikatakan hampir musnah ekoran daripada Inggeris yang menyerang beberapa orang penduduk kampung yang juga telah terbunuh dalam serangan itu. Selepas itu, penduduk kampung telah berkerjasama untuk membina semula masjid yang telah musnah itu sepertimana petikan cerpen dibawah:

“Hanya ada seorang tua tetapi sudah lama menjadi Almarhum pernah mengatakan, masjid itu kononnya diwakafkan seorang sheikh yang datang dari Hadramaut.”

(*Cerpen Masjid Kampung Kami*: hlm. 13)

“Inggeris kemudian menyerang dan beberapa orang penduduk kampung terbunuh dalam serangan itu. Masjid di kampung kami itu juga hampir musnah dalam serangan yang tragis itu. Bertahun-tahun peristiwa itu membekas di hati penduduk kampung kami. Walau bagaimanapun mereka membina semula masjid itu perlahan-lahan persis membuktikan bahawa satu serangan bukan bererti sebuah perjuangan telah berakhir.”

(*Cerpen Masjid Kampung Kami*: hlm. 17)

Selepas beberapa bulan berlalu, masjid tersebut telah berdiri teguh semula. Penduduk kampung menggunakan Masjid tersebut sebagai tempat untuk menunaikan solat dan sesekali digunakan sebagai tempat kenduri dan bermusyawarah. Meskipun masih ada segelintir masyarakat yang mewarisi darah pahlawan datuk moyang mereka, namun mereka tidak lagi menggunakan Masjid sebagai pusat gerakan bawah tanah bagi menentang penjajahan Inggeris. Menurut Tok Aki kebanyakan penduduk kampung berkubu dan bersembunyi di dalam Masjid tersebut kerana tempat itu selamat. Penduduk kampung dikatakan telah membina tempat persembunyian rahsia di kawasan berdekatan Masjid.

Akhir sekali, cerpen "*Masjid Kampung Kami*" menunjukkan betapa pentingnya masjid dalam kehidupan masyarakat Melayu-Islam. Masjid bukan sekadar tempat beribadat; ia juga berfungsi sebagai pusat penyatuan dan perlindungan, dan ia juga merupakan simbol keutuhan semangat dan identiti umat Islam. Ciri-ciri identiti bangsa dan agama seperti perpaduan, semangat gotong-royong, keimanan dan kesetiaan kepada warisan nenek moyang ditunjukkan dalam cerpen ini.

4.2.2 Cerpen Cerita Kota Kami

Kumpulan cerpen *Cerita Kota Kami* adalah merupakan sebuah cerpen yang mengisahkan kehidupan seorang penulis yang hidup dalam kemiskinan dan mengalami kesusahan dalam menjalani kehidupan ekoran daripada tindakan pihak berwajib yang tidak mengambil berat akan penulis miskin dalam aspek pengurusan rakyat. Oleh hal yang demikian, sebahagian besar golongan ini digelar gelandangan. Golongan ini yang seringkali ditindas kerana belum pernah mendapat manfaat atau kelebihan daripada setiap pengurusan dana awam dan projek pembangunan yang telah dibina di dalam negara ini. Namun begitu, hal ini tidak menggugat kehidupan penulis dan masih meneruskan karyanya sebagai seorang penulis. Cerpen ini mengisahkan tentang sebuah daerah di negeri Sabah khususnya daerah Beaufort yang merupakan sebuah pekan kecil yang kini telah mengalami perkembangan dari sektor pembangunan.

Daerah Beaufort ini dikatakan seringkali ditimpa musibah banjir yang dilihat amat teruk dan turut menjejaskan penduduk setempat. Daerah Beaufort ini terletak di kawasan tanah rendah dan dipisahkan dengan sebatang sungai besar. Ekoran daripada faktor geografinya yang sedemikian, sungai itu akan melimpah dan mengakibatkan banjir besar yang akan berlaku pada setiap musimnya. Namun begitu, pernah terjadi banjir berlaku di daerah tersebut pada waktu bukan musimnya sehingga ianya memberikan kesan trauma kepada penduduk setempat di daerah tersebut. Pada zaman awal kedatangan Inggeris, ada seorang warga tua yang bergurau dengan pentadbir Inggeris yang menjadi ketua di kota kami agar belajar berenang sebelum datang menjajah daerah tersebut kerana risau penjajah tersebut akan menjadi mangsa banjir. Justeru itu, pada ketika itu kriteria yang amat penting bagi seorang penjajah datang menjajah daerah kami ialah kecekapan berenang.

4.2.2.1 Kota Batu

Daerah Beaufort atau nama asalnya pada zaman dahulu iaitu Kota Batu merupakan sebuah daerah yang terdapat di negeri Sabah sepertimana yang diceritakan oleh penulis melalui petikan dibawah:

“Aku hanya penulis biasa yang tinggal di sebuah rumah kelas sederhana di kawasan kejiranan di kota kami yang dahulunya terkenal dengan nama aslinya, Kota Batu itu.”

(CERPEN *Cerita Kota Kami*, hlm. 56)

Daerah Beaufort ini dikatakan seringkali ditimpa musibah banjir yang dilihat amat teruk dan turut menjejaskan penduduk setempat. Daerah Beaufort ini terletak di kawasan tanah rendah dan dipisahkan dengan sebatang sungai besar. Ekoran daripada faktor geografinya yang sedemikian, sungai itu akan melimpah dan mengakibatkan banjir besar yang akan berlaku pada setiap musimnya. Namun begitu, pernah terjadi banjir berlaku di daerah tersebut pada waktu bukan musimnya sehingga ianya memberikan kesan trauma kepada penduduk setempat di daerah tersebut. Daerah Beaufort ini terletak sejauh 90 km dari Bandaraya Kota Kinabalu yang terletak di kawasan pedalaman Sabah.

Daerah Beaufort ini diterokai pada tahun 1898 dan tertakluk di bawah pentadbiran Kerajaan British North Borneo (Syarikat Borneo Utara). Secara lazimnya, daerah Beaufort mempunyai keluasan sebanyak 1735 kilometer persegi termasuklah kawasan daerah kecil Membakut. Daerah ini bersempadan dengan daerah Sipitang di Selatan, daerah Kuala Penyu di sebelah barat, daerah Tenom di sebelah Timur dan daerah Papar di sebelah Utara. Kawasan pecan di daerah Beaufort ini mempunyai rumah kedai yang telah dibina sejak zaman British. Pada awalnya, daerah dan pecan Beaufort ini dibina bagi membantu meningkatkan ekonomi pedalaman Borneo Utara. Pada awalnya, perusahaan getah merupakan aktiviti ekonomi utama di daerah ini.

Tambahan pula, semasa Perang Dunia Kedua, kawasan daerah Beaufort ini telah menjadi salah satu tapak pertempuran diantara tentera Jepun dan Australia. Hal ini telah membuktikan daerah Beaufort bukan sekadar daerah kecil namun ianya juga kaya dengan unsur sejarah yang menjadikan daerah Beaufort ini sebagai sebuah daerah yang menarik untuk diterokai.

4.2.2.2 Stesen Kereta Api

Salah satu stesen kereta api di kawasan Stesen Minyak Beaufort di Sabah, Malaysia ialah Stesen Kereta Api Beaufort. Walaupun namanya stesen kereta api, kawasan ini juga terkenal kerana banyak stesen minyak yang menjadikan jalan raya menjadi pusat tumpuan pengguna. Perkhidmatan kereta api Sabah telah wujud sejak British North Borneo Chartered Company (BNBCC) ditubuhkan. William Clarke Cowie, Pengerusi dan Pengarah Urusan BNBCC, mencadangkan penubuhan perkhidmatan kereta api. Pembinaan landasan kereta api dari Beaufort ke Weston, diketuai oleh Arthur J. West seorang jurutera awam dari United Kingdom. Landasan kereta api pertama bermula dari Beaufort dan mengambil jarak 37 km dari Bukau ke Weston.

Permintaan untuk produk getah asli dan tembakau di Tenom telah berkembang dan berkembang, yang mendorong pembinaan landasan kereta api ini. Di samping itu, daerah Weston berfungsi sebagai pelabuhan untuk mengeksport produk keluaran Tenom dan Beaufort. Semasa British North Borneo Chartered Company berkuasa, terdapat rangkaian landasan kereta api yang panjangnya 193 km. Membangunkan industri tembakau dan getah Tenom serta menghubungkan bahagian timur dan barat sebelah Utara Borneo adalah objektif pembangunan landasan kereta api ini. Di samping itu, Weston berfungsi sebagai pelabuhan untuk mengeksport produk keluaran Beaufort dan Tenom.

“Hal ini berlaku kerana kebanyakan ladang getah telah dibuka di persekitaran kawasan kota kami dan stesen kereta api yang menghubungkan kota kami dan daerah lain juga sibuk menguruskan

bahan-bahan berkaitan dengan industri getah.”

(Cerpén *Cerita Kota Kami*, hlm. 63)



(Rajah 4.5 : Laluan Kereta Api di Daerah Beaufort)

4.2.2.3 Bandar Getah

.Daerah Beaufort telah menjadi sebuah daerah yang mengusahakan perusahaan getah sehingga digelar bandar getah ekoran daripada tanah di kawasan itu sangat baik untuk menanam getah *Hevea brasiliensis*, orang Inggeris membuka ladang getah di kampung itu. Pokok getah itu dibawa khas dari Brazil, kata penduduk kampung. Pokok itu dikatakan mempunyai keupayaan untuk menghasilkan lateks yang berkualiti tinggi yang boleh memenuhi keperluan ledakan industri permotoran di Barat. Walau bagaimanapun, industri pembinaan kapal terbang juga mempunyai keperluan getah untuk tayar. Oleh itu, tanaman getah di kampung Beaufort menghasilkan getah yang digunakan oleh beberapa industri di Eropah. Oleh itu, untuk meningkatkan hasil getah, Inggeris membina jambatan pertama di utara Pulau Borneo dari tanah permata nilam ke daerah Weston.

“Anak getah yang ditanam sekeliling kota kami ialah spesies *Havea brasilliensis* sejenis tanaman yang boleh hidup di kawasan 1000 km utara dengan 1000 km selatan khatulistiwa.”

(*Cerpen Cerita Kota Kami*: hlm. 60)

Perusahaan pokok getah di daerah Beaufort pada sekitar tahun 1979 telah mengalami perkembangan yang pesat apabila kawasannya mencecah keluasan 2.06 juta hektar. Hal ini telah meningkatkan sumber pendapatan ekonomi daerah Baeufort pada ketika itu. Perkembangan perusahaan pokok getah di daerah Beaufort pada ketika itu telah mendapat nama timangan daripada penjajah Inggeris iaitu Bandar Getah. Pada tahun 1888, H.N. Ridley telah dilantik sebagai Pengarah Taman Botani Singapura dan telah menyumbang dalam pembangunan industri getah

hingga diberi gelaran sebagai Bapa Perusahaan Getah Asli di dalam negara. Sistem eksploitasi getah dan pisau toreh merupakan antara sumbangan beliau.

“Cerita Pak Tua lagi, kemajuan industri getah di Eropah pada zaman itu sesungguhnya telah menyumbang kepada perkembangan kota kami sehingga lebih dikenal sebagai Bandar Getah.”

(*Cerpen Cerita Kota Kami*: hlm. 63)

Sehubungan dengan itu, Beaufort Rubber Company telah ditubuhkan dan memegang keluasan sebanyak 3237 ekar berhampiran dengan landasan kereta api. Pada tahun 1908 telah ditubuhkan sebuah syarikat baru iaitu North Borneo State Rubber Company yang mempunyai 2033 ekar tanah. Sekong Rubber Company juga telah ditubuhkan dengan keluasan 8711 ekar. Perkembangan kemajuan sektor perusahaan getah di daerah Beaufort telah meningkatkan sumber pendapatan ekonomi di daerah tersebut.



(Rajah 4.6 : Kilang Getah Daerah Beaufort)

4.2.3 Cerpen Kupu-Kupu Di Dalam Taman

“Kupu-kupu di Dalam Taman” menggambarkan kehidupan orang miskin di kawasan pinggir bandar, terutamanya mereka yang miskin. Mereka tinggal berdekatan dengan taman atau persekitaran yang kelihatan indah tetapi tidak dapat menikmatinya. Dalam cerpen ini, "taman" melambangkan ruang yang terhad dan terkawal, manakala "kupu-kupu" melambangkan kebebasan, keindahan dan harapan. Walaupun mereka menghadapi tekanan kewangan, sosial dan emosi, watak-watak dalam cerita masih berusaha untuk keluar daripada kepompong kehidupan mereka. Sama seperti kupu-kupu yang terbang bebas tetapi tidak pernah menjadi milik mereka, mereka hanya melihat keindahan hidup dari jauh.

Walaupun tenang, cerita ini penuh dengan kesedihan. Kehidupan watak-wataknya tidak banyak berubah. Mereka tidak menyedari bahawa kebebasan dan keindahan tidak milik mereka, jadi mereka terus hidup seperti biasa, memerhati kupu-kupu terbang bebas di taman. Cerpen ini berakhir dengan gambaran kehidupan yang biasa, tanpa janji kebahagiaan, tetapi dengan kesedaran tentang ketidakadilan sosial yang wujud di bandar. Kehidupan watak-watak cerita adalah mencabar. Mereka menghadapi masalah kemiskinan, tekanan hidup, dan masa depan yang tidak pasti. Setiap hari, mereka melihat kupu-kupu terbang bebas di dalam taman, simbol kebebasan dan keindahan yang tidak dapat mereka miliki. Kehidupan mereka seperti terkunci, seperti berada di luar pagar taman yang menghalang mereka daripada keindahan.

Penduduk ini tetap optimis walaupun mereka hidup dalam keadaan yang terhad. Mereka mengharapkan kehidupan yang lebih baik, pekerjaan yang lebih stabil, dan masa depan yang lebih cerah. Walau bagaimanapun, keadaan hidup di bandar yang keras dan tidak adil sering menghalang harapan. Pengembangan pesat tidak banyak mengubah hidup mereka; sebaliknya, ia hanya menambah jurang antara yang kaya dan yang miskin.

4.2.3.1 Hotel Lee Garden Plaza

Dalam cerpen "Hotel Lee Garden Plaza," watak menggambarkan pengalaman dan pemerhatian seorang watak tentang kehidupan di Hotel Lee Garden Plaza, yang terkenal di kawasan bandar. Sebagai tempat persinggahan untuk pelancong dan orang berkuasa, hotel ini menjadi simbol keterbukaan, kemewahan dan kemajuan kota. Walau bagaimanapun, pengarang meneroka kehidupan manusia di sebalik kemegahan hotel. Karakter yang digambarkan termasuk pekerja bawahan, pengunjung sementara dan orang luar. Kehidupan mereka tidak secantik bangunan hotel. Kehidupan manusia di sekeliling hotel ditunjukkan kepada pembaca melalui watak pencerita.

“Aku mendongak ke langit tetapi bintang sudah jarang muncul kerana dikalahkan gemerlapan lampu-lampu neon sepanjang jalan di hadapan Hotel Lee Garden Plaza.”

(Cerpun *Kupu-Kupu di Dalam Taman*, hlm.65)

Di sebalik keselesaan para tetamu, pekerja bawahan menjalankan tugas harian mereka dengan patuh dan tanpa banyak suara. Kehidupan mereka tidak begitu indah seperti suasana hotel yang mereka layani. Mereka menjalani kehidupan yang sederhana dan terhad, tetapi mereka bekerja keras untuk memastikan orang lain hidup selesa. Tidak ada konflik atau peristiwa dramatik yang ketara dalam cerpen ini. Sebaliknya, ia bercakap tentang tingkah laku manusia dan keadaan persekitaran dengan tenang. Pengunjung hotel digambarkan sebagai orang yang sementara, datang untuk berehat atau berhibur sebelum meninggalkan tanpa meninggalkan kesan emosi yang

mendalam. Seolah-olah kemewahan itu hanya sesuatu yang kelihatan di luar dan tidak mampu memenuhi keperluan jiwa manusia yang kosong, ini menyebabkan seseorang merasa terasing dan terisolasi.

Pada akhirnya, hotel yang sepatutnya melambangkan kesejahteraan dan kegembiraan berubah menjadi simbol kehidupan kota yang penuh dengan egoisme dan ketidakadilan sosial. Tidak ada penyelesaian yang jelas dalam cerpen ini. Sebaliknya, ia mengajak pembaca berfikir tentang keadaan yang tidak seimbang dan ketidakadilan dalam kehidupan bandar.

4.2.4 Cerpen Di Sini, di Kota Ini dan Sekarang

"Di Sini, di Kota Ini dan Sekarang," cerpen yang ditulis oleh Jasni Matlani menggambarkan cara hidup orang yang tinggal di bandar, yang dipenuhi dengan kebosanan, kebosanan dan kehilangan makna kemanusiaan. Cerita ini menunjukkan bagaimana orang hari ini hidup dalam ruang yang cepat, bising, dan padat tetapi akhirnya merasa semakin sendiri. Kota digambarkan sebagai bukan sahaja latar tempat tetapi juga sebagai simbol kehidupan moden yang menekan emosi manusia. Kebebasan manusia di tengah-tengah kehidupan perkotaan adalah tema utama cerpen ini. Pengarang menunjukkan bahawa kehidupan "di sini", "di kota ini" dan "sekarang" tidak selalu membawa kebahagiaan; sebaliknya, ia membawa kekosongan dan kegelisahan. Walaupun mereka terpisah secara emosional, manusia hidup berdampingan secara fisik. Setiap orang sibuk dengan urusan mereka sendiri, menyebabkan hubungan sosial berkurangan.

Tokoh-tokoh cerpen ini biasanya digambarkan sebagai orang biasa yang terjebak dalam rutin kota. Sebagai individu yang pasrah dan terjebak dalam arus kehidupan moden, mereka tidak ditampilkan secara heroik. Karakter-karakternya mempunyai kecenderungan untuk berfikir dan berfikir, membantu pembaca memahami kegelisahan dalaman yang mereka alami.

Latar cerita berpusat di bandar yang padat, keras, dan statik. Persoalan yang dibincangkan bukan tentang isu masa lalu atau masa depan, tetapi tentang isu sebenar yang dihadapi oleh manusia pada zaman moden, menurut waktu "sekarang." Kota menjadi tempat yang menghilangkan kehangatan dan meningkatkan jarak antara orang.

Alur cerita adalah sederhana dan biasanya deskriptif, memfokuskan pada suasana dan perenungan lebih daripada konflik yang tajam. Pengarang menggambarkan realiti kehidupan kota secara perlahan dengan cara yang membolehkan pembaca merasakan tekanan mental yang dialami oleh tokoh.

4.2.4.1 Kota Jalang

Jasni Matlani mencipta cerpen "Di Sini, di Kota Ini dan Sekarang" yang menggambarkan kota yang kasar, tidak ramah, dan seolah-olah kehilangan kemanusiaan. Dalam cerpen ini, istilah "kota jalang" tidak digunakan secara harfiah; sebaliknya, ia digambarkan sebagai kota yang liar, bebas, dan tidak peduli dengan nasib penghuninya. Kota digambarkan sebagai makhluk yang menelan manusia tanpa rasa aman, kasih sayang, atau keyakinan hidup. Kehidupan perkotaan yang cepat dan materialistik digambarkan dalam kota jalang dalam cerpen ini. Orang yang berada di dalamnya dikehendaki bergerak ke hadapan untuk memenuhi keperluan hidup tanpa sempat memperoleh pemahaman yang mendalam tentang apa sebenarnya mereka adalah. Kota itu berubah menjadi ruang persaingan yang sengit dan bukannya tempat perlindungan. Orang yang lemah akan tersisih, sementara orang yang kuat akan bergerak maju tanpa berpaling.

“Walaupun aku sudah menjadi warga kota yang jalang ini.”

(Cerpen *Di Sini, Di Kota Ini dan Sekarang*, hlm. 100)

Pengarang menunjukkan bagaimana prinsip moral dan empati semakin berkurangan melalui gambaran kota yang jalang. Hubungan antara individu menjadi lebih dingin dan bersifat transaksional. Setiap orang hidup sendiri, seolah-olah kota memberitahu kita bahawa kepedulian adalah kelemahan. Kota dikenali sebagai "jalang" kerana ia bebas merosak, meninggalkan luka, dan tidak bertanggungjawab atas penderitaan orang yang tinggal di sana. Di bawah bayang-bayang kota jalang ini, watak-watak cerpen ini hidup. Mereka digambarkan sebagai orang yang terasing, kesepian, dan terperangkap dalam rutin yang menyedihkan. Kota tidak mempunyai ruang untuk semangat dalaman, jadi tokoh-tokohnya hanya boleh pasrah dengan keadaan. Pergulatan dalaman watak mencerminkan kesusahan manusia moden yang tinggal di bandar tanpa jiwa.

4.2.4.2 Stesen Kereta Api

Stesen Kereta Api Beaufort ialah salah satu stesen kereta api di kawasan Stesen Minyak Beaufort di Sabah, Malaysia. Walaupun namanya stesen kereta api, kawasan ini terkenal kerana banyak stesen minyak yang menjadikan jalan raya sebagai tempat utama untuk perjalanan. Perkhidmatan kereta api di Sabah telah wujud sejak penubuhan British North Borneo Chartered Company (BNBCC). Pengerusi dan Pengarah Urusan BNBCC William Clarke Cowie mencadangkan penubuhan perkhidmatan kereta api. Pembinaan landasan kereta api antara Beaufort dan Weston, yang diawasi oleh Arthur J. West seorang jurutera awam UK. Landasan kereta api pertama bermula di Beaufort dan berjalan dari Bukau ke Weston selama 37 km.

Pembinaan landasan kereta api ini adalah hasil daripada peningkatan permintaan Tenom untuk produk getah asli dan tembakau. Selain itu, Tenom dan Beaufort mengeksport barangan mereka ke Weston. Terdapat rangkaian landasan kereta api yang panjangnya 193 km semasa British North Borneo Chartered Company berkuasa. Objektif pembangunan landasan kereta api ini adalah untuk mengembangkan industri tembakau dan getah Tenom serta menghubungkan bahagian timur dan barat sebelah Utara Borneo. Di samping itu, produk Beaufort dan Tenom dieksport ke Weston melalui pelabuhan.



(Rajah 4.7 : Kereta Api di Daerah Beaufort)

4.2.5 Cerpen Bimbo

Kisah yang diceritakan dalam cerpen Jasni Matlani "Bimbo" menceritakan tentang orang pinggiran yang tumbuh dan berkembang di tengah-tengah kehidupan kota yang keras. Judul "Bimbo" sendiri berfungsi sebagai representasi bagi individu yang dipandang rendah oleh masyarakat kota sebagai tidak bertanggungjawab, malas, atau tidak penting. Pengarangnya menunjukkan bagaimana kota mempengaruhi cara orang melihat dunia sehingga mereka mudah memberi label dan menilai orang lain. Ketidakadilan dan ketimpangan sosial dalam kehidupan perkotaan adalah tema utama cerpen ini. Kota digambarkan sebagai tempat di mana semua orang mempunyai tempat yang sama. Mereka yang kuat, mapan, dan berkuasa akan terus hidup, sementara individu seperti Bimbo harus hidup dalam keadaan terhad dan dipandang rendah. Cerita ini menegaskan bahawa kepolosan dan kemiskinan sering disalah tafsir sebagai kebodohan.

Bimbo digambarkan sebagai orang biasa yang hidup sederhana. Walaupun ia tidak sepenuhnya lemah, ia tidak mempunyai kekuatan untuk menentang sistem yang menindas di bandar. Karakter Bimbo mencerminkan orang kecil yang terpinggir yang mempunyai perasaan, harapan, dan martabat. Pembaca digalakkan untuk melihat sisi kemanusiaan yang sering diabaikan melalui tokoh ini. Latar kota dalam cerpen "Bimbo" digambarkan sebagai persekitaran yang kasar, dingin, dan tidak menyenangkan. Kota telah berubah menjadi tempat di mana empati semakin jarang dan kehidupan yang penuh tekanan. Tokoh seperti Bimbo semakin tersisih dan tidak mendapat ruang untuk berkembang kerana interaksi antara manusia berlangsung secara kasar dan penuh prasangka. Alur cerita adalah sederhana dan realistik, dengan penekanan pada peristiwa harian yang dialami oleh tokoh. Walaupun Jasni Matlani tidak menampilkan pertikaian besar-besaran, ia lebih banyak menampilkan masalah kecil yang berulang. Cara ini menjadikan cerita lebih dekat dengan kehidupan seharian masyarakat bandar.

4.2.5.1 Gunung

Latar gunung dalam cerpen "Bimbo" adalah penting kerana ia merupakan tempat yang bertentangan dengan kehidupan kota. Gunung digambarkan sebagai tempat yang jauh dari hiruk-pikuk, kebisingan, dan tekanan yang datang dengan kehidupan bandar. Latar gunung adalah simbol kebebasan dan ketulusan hidup yang tidak ditemukan di kota kerana ia memberikan suasana yang lebih tenang, alami dan sederhana. Gunung juga berfungsi sebagai tempat tokoh Bimbo melarikan diri. Gunung menjadi tempat Bimbo mencari ketenangan dan kesendirian di tengah-tengah kehidupan kota yang keras. Latar ini menunjukkan Bimbo lebih dekat dengan alam sekitar daripada sistem sosial kota yang menghalangnya daripada berkembang.

Gunung adalah simbol kebenaran dan kebenaran hidup. Gunung digambarkan sebagai tempat yang jujur dan apa adanya, berbeza dengan kota yang penuh dengan kepalsuan, persaingan, dan kepentingan. Melalui latar ini, Jasni Matlani menyatakan bahawa peradaban moden kerap menjauhkan orang ramai daripada nilai dasar kehidupan yang sederhana dan manusiawi. Latar gunung juga meningkatkan watak Bimbo sebagai orang yang mudah dan ringkas. Kepribadian Bimbo yang rendah hati, jujur, dan tidak penuh perhitungan digambarkan oleh persekitaran alam sekitar yang bersahaja. Oleh itu, latar tempat membentuk watak tokoh dan menjadi penunjang cerita.

Selain itu, latar gunung membezakan dunia alam dan kota. Kontras ini meningkatkan konflik dalaman tokoh dan menunjukkan pesan sosial cerpen. Gunung digambarkan sebagai simbol kehidupan yang lebih baik, manakala kota digambarkan sebagai tempat penindasan. Latar tempat gunung dalam cerpen "Bimbo" berfungsi sebagai simbol kejujuran, ketenangan, dan kemanusiaan secara keseluruhan. Latar ini digunakan oleh Jasni Matlani untuk menekankan kritik sosial terhadap cara hidup di bandar yang tidak menyenangkan.

4.2.6 Cerpen Jibran

